



Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Bersama Membangun Negara

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Laporan Tahunan 2011



Laporan Tahunan 2011

HASiL
www.hasil.gov.my
Pusat Khidmat Pelanggan
1-300-88-3010



Laporan Tahunan 2 0 1 1

Penerima Anugerah NEF-AWANI dan Anugerah "Socially Responsible Company Award 2011"

Penerbitan 2012

© Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) 2012

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Peti Surat 11833, 50758 Kuala Lumpur.

Perpustakaan Negara Malaysia
ISSN 1675 - 1612



K A N D

4 BUDAYA KORPORAT

7 TADBIR URUS

Perutusan Pengerusi 9
Anggota Lembaga 11
Sekapur Sirih 12
Pengurusan Atasan 13
Carta Organisasi 14
Pernyataan Tadbir Urus Korporat 15
Pernyataan Risiko 16

17 PRESTASI KORPORAT

Kutipan Hasil 19
Kecekapan Pengurusan Cukai 21
Pematuhan Cukai 22
Penguatkuasaan dan Pendakwaan 23
Pungutan 25
Perkhidmatan Pelanggan 29
Program Pendidikan Cukai 32
Perkhidmatan Elektronik 36
Pembesaran Asas Cukai 40
Ejen Pemungutan PTPTN 40
Hak Pembayar Cukai 41
Tanggungjawab Sosial Korporat 42





U N G A N LAPORAN TAHUNAN 2 0 1 1

43 JARINGAN ANTARABANGSA

49 PEMBANGUNAN MODAL INSAN

55 BUDAYA KERJA BERPRESTASI TINGGI

63 DIARI HASIL

75 PENYATA KEWANGAN

107 LAMPIRAN

BUDAYA KORPORAT

LHDNM mempraktikkan Nilai Korporat yang dirancang bagi mempengaruhi kejayaan atau kecemerlangan LHDNM dalam melaksanakan dasar atau polisi yang ditetapkan. Ianya dicapai melalui dengan menyemai nilai moral dan komitmen di kalangan Warga Hasil ke arah pencapaian Visi, Misi dan Objektif LHDNM yang telah ditetapkan.



Visi
**Pentadbir
Cukai Terunggul**



Misi
**Memberi perkhidmatan percukaian
yang berkualiti dan berintegriti ke arah
meningkatkan pematuhan sukarela**



Objektif
**Melaksanakan sistem pengurusan
percukaian yang berkesan,
adil dan saksama**



Dasar Kualiti
**Berteraskan integriti, kami komited
memberikan perkhidmatan yang
terbaik untuk pelanggan**




Slogan
na Membangun Negara



Moto Perkhidmatan
**Perkhidmatan
Terbaik Untuk Anda**

Fungsi

Fungsi LHDNM:

- 
- Bertindak sebagai ejen kerajaan dalam pentadbiran, penaksiran, pemungutan dan penguatkuasaan pembayaran cukai pendapatan, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah, duti harta pesaka, duti setem dan cukai lain yang dipersetujui antara kerajaan dan Lembaga;
 - Menasihati kerajaan tentang perkara-perkara berhubung dengan percukaian dan bekerjasama dengan kementerian dan badan berkanun berkaitan perkara-perkara tersebut;
 - Menyertai mesyuarat, perbincangan dan perjanjian tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan percukaian di dalam atau di luar negara;
 - Menjadi ejen pemungutan untuk dan bagi pihak mana-mana badan untuk mendapatkan pinjaman yang kena dibayar balik kepada badan itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis; dan
 - Melaksanakan apa-apa fungsi lain yang diberi kepada LHDNM oleh mana-mana undang-undang bertulis lain.

Tanggungjawab

LHDNM bertanggungjawab mentadbir undang-undang berikut:

- Akta Cukai Pendapatan 1967;
- Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967;
- Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976;
- Akta Setem 1949;
- Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990; dan
- Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

LHDNM perlu mematuhi semua Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali yang ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia dengan kerajaan negara-negara luar. Selain itu, LHDNM juga perlu mematuhi semua perundangan yang ada kaitan dengan pentadbiran LHDNM:

- Perlembagaan Persekutuan 1957;
- Akta Tafsiran 1948 dan 1967;
- Akta Had Masa 1953;
- Akta Mahkamah Kehakiman 1964;
- Akta Syarikat 1965;
- Akta Kebankrapan 1967;
- Kanun Tanah Negara 1965;
- Kanun Acara Jenayah (Akta 593);
- Kanun Keseksaan (Akta 574);
- Kaedah-kaedah Penggulangan Syarikat 1965;
- Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980; dan
- Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980.

Di samping itu, LHDNM masih lagi mentadbir beberapa perundangan yang telah dimansuhkan bagi menyelesaikan kes-kes tahun kebelakangan:

- Enakmen Duti Harta Pesaka 1941; dan
- Akta Cukai Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) 1984.

Anggota Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

LHDNM adalah dikawal selia oleh Anggota Lembaga yang terdiri daripada:

- Ketua Setiausaha Perbendaharaan yang juga merangkap Pengerusi LHDNM;
- Peguam Negara atau wakilnya;
- Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau wakilnya;
- Dua orang lain mewakili kerajaan yang dilantik oleh Menteri Kewangan; dan
- Dua orang lain yang dilantik oleh Menteri Kewangan dari sektor swasta.

Anggota Lembaga telah bermesyuarat sebanyak lapan kali dalam tahun 2011.

Alamat Rasmi

(Mulai 19 Disember 2011)
Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Ibu Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Menara Hasil Aras 18
Persiaran Rimba Permai Cyber 8
63000 Cyberjaya Selangor


Telefon : 03-8313 8888
Faks : 03-8313 7801/03-8313 7806
Laman Web : www.hasil.gov.my
Blog Rasmi : <http://blog.hasil.gov.my>

(1 Januari 2011-18 Disember 2011)
Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah
Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Tingkat 15, Blok 9
Kompleks Bangunan Kerajaan
Jalan Duta, Peti Surat 11833
50758 Kuala Lumpur

Telefon : 03-6209 1000
Faks : 03-6201 3798



TADBIR URUS



PERUTUSAN PENGGERUSI

**Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia
Merangkap Pengerusi
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**



Tahun 2011 adalah tahun yang penting dan mencabar bagi negara kita dan LHDNM khususnya kerana kerajaan baharu sahaja melancarkan Pelan Transformasi Ekonomi Negara (ETP) pada 25 Oktober 2010. Tahun ini juga merupakan bermulanya rancangan lima tahun negara iaitu Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10). ETP telah menggariskan matlamat utama yang murni untuk membawa negara mencapai status negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Masa yang ada semakin suntuk untuk membolehkan matlamat ini dicapai, kita memerlukan perubahan drastik dalam kaedah kita bekerja. Fungsi LHDNM adalah memungut cukai pendapatan untuk negara dan peranan ini dengan jelas dapat membantu Kerajaan membina kedudukan fiskal yang mapan dalam meneliti halatuju ETP.


Sejarah menunjukkan LHDNM mampu memungut jumlah yang disasarkan oleh Kerajaan. Ini terbukti pada tahun 2011 apabila LHDNM berjaya memungut jumlah tertinggi dalam sejarah iaitu sebanyak RM109.609 bilion. Sebagai agensi tunggal pemungut cukai langsung bagi pihak Kerajaan, LHDNM mempunyai segala kepakaran melalui pegawai-pegawainya yang berpengalaman dan pakar dalam aspek-aspek pemungutan cukai. *Competitive advantage* yang dimiliki ini merupakan kelebihan kepada LHDNM dalam pembentukan strategi ke arah merealisasikan sasaran kutipan cukai dalaman RM100 bilion. Tidak dinafikan bahawa perjalanan ke arah merealisasikan sasaran kutipan cukai secara dalaman sebanyak RM100 bilion tersebut bukanlah satu perkara yang mudah dan memerlukan usaha dan komitmen bersepadu (concerted effort) daripada seluruh warga Hasil.

Sejarah kutipan tertinggi, adalah merupakan satu penghijrahan daripada angka dua (2) digit (sehingga RM99 bilion) kepada angka tiga (3) digit (RM100 bilion hingga RM999 bilion), yang buat pertama kalinya berlaku dalam sejarah penubuhan organisasi yang tercinta ini. Penciptaan sejarah yang hebat ini sudah pasti bukan direka-reka, bukan berlaku dalam sekelip mata dan semestinya bukan dicapai secara berseorangan. Sebaliknya, sejarah dicipta berlandaskan kepada agenda transformasi dalam pelbagai aspek dalaman dan luaran organisasi, berteraskan kepada dua tiang utama iaitu motivasi dan strategi.

Kerancangan pelbagai strategi, inisiatif dan pendekatan dalaman mahupun luaran yang telah diambil oleh LHDNM adalah seiring dengan kerancangan kerajaan dalam usaha melonjak ekonomi negara ini, kearah menjadikannya sebuah negara maju berpendapatan tinggi. Ini kerana, LHDNM adalah sebahagian daripada jentera pentadbiran kerajaan dan merupakan tulang belakang kepada sumber kewangan negara, untuk membiayai pelbagai program transformasi yang telah dirancang dan memastikan jumlah kutipan cukai langsungnya menepati sasaran yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Sepanjang tahun 2011, Anggota Lembaga dan Pengurusan Atasan LHDNM telah bekerjasama rapat dalam memastikan segala perancangan dan pelaksanaan semua dasar diberi keutamaan. Pelbagai penambahbaikan dilakukan dalam program yang dilaksanakan. LHDNM telah mengambil langkah menambah bilangan dan meningkatkan kecekapan sumber manusianya dalam usaha memantapkan dan mempertingkatkan keberkesanan operasi percukaian.

Akhir kata, selaku Pengerusi Lembaga, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada jentera pengurusan serta seluruh Warga Hasil atas semua usaha dan kegigihan, kesepaduan tekad serta tahap produktiviti tinggi yang dihasilkan bagi memenuhi hasrat dan tanggungjawab yang diamanahkan. Penghargaan serupa turut ditujukan kepada Anggota Lembaga atas khidmat nasihat bernas dan berperanan aktif menerajui kejayaan LHDNM sepanjang tahun 2011.



TAN SRI DATO' SRI DR WAN ABDUL AZIZ WAN ABDULLAH

ANGGOTA LEMBAGA

Tan Sri Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Perbendaharaan Malaysia
Merangkap Pengerusi
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia



1 Dato' Sri Abu Bakar bin Hj. Abdullah
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

2 Dato' Engku Nor Faizah binti Engku Atek
Penggubal Undang-Undang Parlimen
Bahagian Gubalan
Jabatan Peguam Negara Malaysia

3 Wan Selamah binti Wan Sulaiman
Akauntan Negara
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

4 Dato' Siti Halimah binti Ismail
Setiausaha Bahagian Analisa Cukai
Perbendaharaan Malaysia

5 Datuk Wira Haji Ahmad Rusli bin Joharie
Konsultan Swasta

6 Dato' Mohd Salleh bin Mahmud
Konsultan Swasta

SEKAPUR SIRIH

Ketua Pegawai Eksekutif/
Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia



Tahun 2011 kita telah menyaksikan kejayaan LHDNM melepasi sasaran kutipan cukai yang ditetapkan oleh kerajaan dengan jumlah kutipan cukai sehingga 31 Disember 2011 sebanyak **RM109.609 bilion**. Justeru, LHDNM akan terus mengatur langkah membentuk inisiatif-inisiatif serta tindakan-tindakan dalam melaksanakan fungsi sebagai ejen kerajaan dengan berpaksikan kepada kerangka kerja (**framework**) yang telah dibentuk oleh kerajaan dalam usaha merealisasikan Wawasan 2020 seperti yang telah dinyatakan dalam Pelan Transformasi Ekonomi Negara (ETP).

LHDNM telah mengambil langkah untuk menjenamakan semula (rebranding) identiti korporatnya kerana dilihat sebagai salah satu daripada aspek yang sangat penting dalam usaha untuk menjadikan organisasi ini sentiasa **relevan dan kontemporari** sesuai dengan perubahan dan kehendak semasa **globally and locally**. Ini memandangkan keperluan dan kehendak komuniti dan pentadbir-pentadbir cukai baik di peringkat nasional mahupun di peringkat antarabangsa sentiasa berubah-ubah, sejajar dengan peredaran masa dan perkembangan pesat dalam dunia teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

LHDNM telah memperkenalkan wajah baharu yang lebih segar kepada organisasi antaranya adalah ikrar, lagu korporat, bendera, tali leher dan lain lain lagi. Selaras dengan penjenamaan semula LHDNM, *Tag Line* baharu bagi LHDNM adalah **Be With Us/ Bersama Kami** telah diperkenalkan disamping sebuah lagu pembakar semangat **We Will Rock You** yang buat julung kalinya sebagai simbolik meningkatkan motivasi dan semangat juang Warga LHDNM dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab masing-masing.

Nadi penggerak kepada LHDNM adalah warganya, kemampuan LHDNM untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai ejen pemungut cukai langsung bagi pihak kerajaan adalah bergantung kepada warganya dan penentu kejayaan atau kegagalan LHDNM untuk mendokong aspirasi kerajaan ke arah negara maju berpendapatan tinggi juga adalah warganya. Oleh itu, peranan yang dimainkan oleh warga Hasil adalah amat kritikal dalam penentuan kejayaan ini dan perlu dipertingkatkan lagi dalam aspek-aspek yang berkaitan dengan perubahan sikap semasa bekerja, penambahbaikan suasana bekerja dan semangat kerja berpasukan yang positif.

Pencapaian yang luar biasa pada 2011 akan dijadikan sebagai cabaran, bukan sahaja untuk mengekalkan prestasi cemerlang yang telah dicapai sehingga kini, tetapi untuk mendorong setiap Warga Hasil terus bekerja menerusi ide-ide kreatif dan bernas. Kejayaan yang dicapai merupakan lakaran kepada cabaran pada hari hari yang mendatang. Ini kerana, pencapaian sasaran kutipan cukai ini bermakna, LHDNM telah berada dalam zon kutipan cukai yang tersendiri, dan mula mengorak langkah dalam penerokaan lautan biru zon kutipan cukai 3 digit.

Saya ingin mengucapkan berbilion terima kasih kepada pembayar cukai kerana menjadi wira kepada negara ini dan mencipta satu asas cukai yang stabil di mana semua rakyat Malaysia dapat berkongsi akan keuntungannya. Akhir kata syabas dan tahniah diucapkan kepada seluruh Warga Hasil berkat usaha gigih bersama (collective effort) yang tidak pernah mengenal erti penat dan jemu dalam menunaikan tanggungjawab yang telah diamanahkan demi untuk mencapai visi Pentadbir Cukai Terunggul, demi generasi pewaris negara akan datang dan demi mencapai wawasan unggul menjadikan negara ini sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

DATO' DR. MOHD SHUKOR BIN HJ MAHFAR

PENGURUSAN ATASAN



1 Dato' Dr. Mohd Shukor bin Hj. Mahfar
Ketua Pegawai Eksekutif/
Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia


2 Dato' Dr. Siti Mariam binti Che Ayub
Timbalan Ketua Pengarah
(Pematuhan)
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

3 Dato Mohammad Sait bin Ahmad
Timbalan Ketua Pengarah
(Operasi Percukaian)
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

4 Datuk Sabin bin Samitah
Timbalan Ketua Pengarah
(Pengurusan)
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

5 Abd Aziz Hashim
Timbalan Ketua Pengarah
(Dasar)
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

CARTA ORGANISASI



Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, beriltizam mengekalkan serta memastikan pemakaian piawaian yang tertinggi dalam tadbir urus korporat di LHDNM.

Lembaga Pengarah dengan sukacitanya membentangkan penyata mengenai tadbir urus korporat bagi tahun berakhir 31 Disember 2011. Penyata ini menjelaskan pematuhan amalan terbaik dan proses-proses yang telah dilaksanakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Ahli Lembaga Pengarah

LHDNM diterajui oleh Lembaga Pengarah LHDNM yang diketuai oleh Pengerusi dan enam (6) orang ahli yang memimpin dan mengawal selia Lembaga Hasil Dalam Negeri. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap keseluruhan tadbir urus LHDNM dan merupakan badan utama yang merangka dan menentukan dasar serta hala tuju LHDNM untuk mencapai kejayaan dalam matlamat strategiknya.

Komposisi Lembaga

Pada tarikh Laporan Tahunan ini, Lembaga terdiri daripada tujuh (7) anggota. Komposisi anggota Lembaga yang sedia ada telah membuktikan bahawa mereka mempunyai pengalaman yang luas dalam perkhidmatan awam, operasi perniagaan, kewangan, percukaian dan perundangan. Pengalaman, pengetahuan dan kepakaran dibina melalui penglibatan berterusan secara professional dalam bidang masing-masing.

Tanggungjawab dan Tugas Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah bertanggungjawab secara keseluruhan dalam pengurusan LHDNM. Lembaga Pengarah telah terlibat sepenuhnya di dalam perancangan strategik, menjalankan kajian prestasi operasi LHDNM, melaksanakan kawalan dalaman dan menguatkuasakan pematuhan terhadap kehendak undang-undang yang disyaratkan terhadap LHDNM.

Fungsi Lembaga yang lebih khusus termasuk tanggungjawab-tanggungjawab yang berikut:-

1. Menilai dan memutuskan cadangan pewujudan jawatan.
2. Menilai dan meluluskan cadangan Skim Perkhidmatan serta Terma dan Syarat Perkhidmatan.
3. Menimbang dan memutuskan cadangan penyusunan semula struktur organisasi LHDNM.

4. Menimbang dan meluluskan struktur gaji, elaun dan kemudahan.
5. Menimbang dan meluluskan cadangan penerimaan pakai atau pindaan Pekeliling-Pekeliling seperti Pekeliling Perkhidmatan, Surat Pekeliling Perkhidmatan, Pekeliling Perbendaharaan, Perintah Am dan lain-lain pekeling yang berkaitan.
6. Menimbang dan meluluskan anggaran belanja mengurus, pembangunan dan kewangan LHDNM.
7. Menimbang dan meluluskan pendapatan LHDNM serta laporan prestasi kewangan, pembangunan dan pelaburan LHDNM.
8. Menimbang dan meluluskan polisi pelaburan, perdagangan, pinjaman, fee, caj serta apa juga kemudahan yang diberi kepada pekerja Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (pinjaman kenderaan, pinjaman komputer).
9. Memberi khidmat nasihat berkaitan dengan dasar-dasar dan hal ehwal percukaian.
10. Menimbang dan meluluskan cadangan perolehan hartanah, pembinaan bangunan/cawangan LHDNM mengikut keperluan semasa dan pembesaran cawangan

Mesyuarat LHDNM

Mesyuarat LHDNM dirancang lebih awal dengan tatacara butir maklumat, tempat dan masa. Ini membolehkan anggota lembaga merancang jadual dengan sewajarnya untuk memastikan kehadiran yang penuh di dalam mesyuarat.

Kertas-kertas cadangan untuk pertimbangan dan perbincangan diedarkan lebih awal bagi memastikan anggota lembaga mempunyai masa yang cukup untuk meneliti kertas-kertas cadangan tersebut untuk dibincangkan semasa mesyuarat.

Pada tahun dilaporkan, LHDNM telah mengadakan lapan (8) mesyuarat dan termasuk Mesyuarat Khas. Semua perkara yang dibincangkan diminitkan dan dicatatkan termasuk keputusan yang dicapai.

Jumlah Mesyuarat Lembaga Pengarah

1. Mesyuarat Khas LHDNM Bil 1/2011 – 18 Januari 2011
2. Mesyuarat LHDNM Bil 1/2011 – 11 Februari 2011
3. Mesyuarat Khas LHDNM Bil 1/2011 – 3 Mac 2011
4. Mesyuarat LHDNM Bil 2/2011 – 23 April 2011
5. Mesyuarat LHDNM Bil 3/2011 – 28 Mei 2011
6. Mesyuarat LHDNM Bil 4/2011 – 24 Ogos 2011
7. Mesyuarat LHDNM Bil 5/2011 – 19 Oktober 2011
8. Mesyuarat LHDNM Bil 6/2011 – 20 Disember 2011

PERNYATAAN RISIKO

Pernyataan ini menyediakan satu gambaran secara menyeluruh terhadap polisi-polisi pengurusan risiko LHDNM, pematuhan dalaman dan sistem kawal selia.

TANGGUNGJAWAB

Pengurusan atasan adalah bertanggungjawab keatas aktiviti pengurusan risiko untuk keseluruhan organisasi. Pengurusan atasan melalui Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Bahagian Pengurusan Risiko menjalankan tanggungjawab keseluruhan atas pelaksanaan dan pemantauan aktiviti pengurusan risiko dalam LHDNM.

SKOP

Aktiviti pengurusan risiko melibatkan keseluruhan operasi di LHDNM.

PENGAWASAN PENGURUSAN RISIKO

Lembaga Pengarah menjalankan pengawasan pengurusan risiko dan keberkesanannya melalui kombinasi polisi dan prosedur dalaman serta Jawatankuasa Audit.

Polisi Dan Prosedur Dalaman

Lembaga Pengarah melaksanakan pengurusan risiko melalui polisi dan prosedur dalaman dalam menghadapi risiko strategik dan operasi yang wujud dalam organisasi. Risiko-risiko yang wujud ini akan memberikan kesan terhadap:-

- Strategi
- Pematuhan
 - Audit
 - Siasatan
 - Pungutan Hasil

- Operasi
 - Aset dan perolehan
 - Kewangan
 - Undang-undang
- Sistem
- Reputasi
- Bencana

Jawatankuasa Audit

Peranan Jawatankuasa Audit adalah memperakukan dan memantau pengurusan risiko.

Pernyataan Pengurusan Risiko

Pernyataan pengurusan risiko dimuatkan dalam Laporan Tahunan LHDNM.

AMALAN TERBAIK TADBIR URUS

Pengurusan risiko membolehkan amalan-amalan terbaik tadbir urus diseragamkan di dalam LHDNM. Melalui Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2009 “Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Penubuhan Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus” yang telah dikeluarkan pada 30 November 2009, kementerian, jabatan dan agensi dikehendaki mengamalkan teknik-teknik pengurusan risiko sebelum melaksanakan sesuatu projek atau program terutamanya yang berisiko tinggi untuk meminimumkan risiko semasa pelaksanaannya. Oleh itu, LHDNM menggunakan arahan ini untuk memperkukuhkan lagi struktur sistem pengurusan pentadbiran LHDNM.


A full-page background image showing several blue fish swimming in clear, deep blue water. The fish are of various sizes and are positioned at different depths and angles, creating a sense of movement and depth. The lighting is bright, highlighting the scales and fins of the fish.

PRESTASI KORPORAT




Kutipan Hasil

Tahun 2011 merupakan tahun yang penuh bersejarah bagi LHDNM kerana telah berada dalam zon kutipan cukai yang tersendiri, dan mula mengorak langkah dalam penerokaan lautan biru zon kutipan cukai 3 digit. LHDNM telah menyemat Tahun 2011 dengan angka kutipan tertinggi dalam sejarah LHDNM kerana julung kalinya telah berjaya memungut cukai langsung kasar berjumlah RM109.609 bilion. Amaun ini menyumbang kepada 59.11% daripada anggaran keseluruhan Hasil Kerajaan Persekutuan yang berjumlah RM185.419 bilion. Prestasi kutipan cukai langsung bagi tahun 2011 berjaya melepasi sasaran yang ditetapkan oleh Kerajaan. Kutipan cukai langsung bersih sebanyak RM102.609 bilion (selepas ditolak Tabung Bayaran Balik Cukai berjumlah RM7 bilion), melepasi Unjuran Disemak Kerajaan yang berjumlah RM96.457 bilion sebanyak RM6.152 bilion (6.38%).



CONTRIBUTION OF DIRECT TAXES TO THE FEDERAL GOVERNMENT'S REVENUE





CONTRIBUTION OF NET DIRECT TAXES TO THE GOVERNMENT'S REVISE ESTIMATES

PRESTASI KORPORAT

Kutipan Hasil


Golongan pembayar cukai syarikat adalah merupakan penyumbang utama dan terbesar kepada pungutan hasil di mana sejumlah RM55.08 bilion dikutip iaitu menyumbang sebanyak 50.25% daripada keseluruhan hasil kutipan. Kutipan cukai pendapatan bagi petroleum telah mengalami kenaikan sebanyak RM9.03 bilion berbanding tahun 2010. Peningkatan ini disebabkan faktor utama iaitu peningkatan harga minyak mentah serta gas asli di pasaran dunia.

Komponen utama cukai langsung ketiga pula adalah melalui sumbangan cukai pendapatan individu yang menyumbang sebanyak 17.68%. Peningkatan dalam kutipan yang diperolehi ini adalah disebabkan peningkatan tahap pematuhan cukai di kalangan pembayar cukai dan juga keberkesanan aktiviti pemungutan dan penguatkuasaan yang dijalankan LHDNM. Peratus sumbangan komponen-komponen cukai terhadap jumlah kutipan cukai langsung adalah seperti di rajah di bawah.



DIRECT TAX COLLECTION BY COMPANIES

Kecekapan Pengurusan Cukai



RATIO OF TAX MANAGEMENT EFFICIENCY


Untuk tahun 2011, LHDNM berjaya meningkatkan kecekapan pengurusan cukai dengan menurunkan nisbah kos kecekapan pengurusan cukai pada kadar RM0.85 bagi setiap RM100 cukai yang dikutip berbanding RM1.04 dalam tahun 2010. Kejayaan meningkatkan kecekapan pengurusan membuktikan LHDNM berjaya menjalankan aktiviti pengurusan cukai langsung negara secara berhemat dan berkesan.

Pematuhan Cukai


Audit Cukai

LHDNM sentiasa berusaha menjalankan fungsi yang diamanahkan dengan komitmen yang tinggi bagi memenuhi sasaran kutipan cukai langsung negara. Pelaksanaan program audit cukai yang berkesan merupakan antara faktor penting dalam menyumbang kepada peningkatan kutipan hasil. Melalui pelaksanaan program audit cukai ini, LHDNM akan memastikan tahap pematuhan cukai sentiasa meningkat serta pembayar cukai mematuhi peruntukan undang-undang dan peraturan cukai semasa.


Audit cukai dijalankan melalui dua kaedah utama iaitu audit luar dan audit meja. Audit luar disusuli dengan surat pemberitahuan lawatan audit memaklumkan lawatan ke premis perniagaan pembayar cukai serta maklumat/dokumen yang perlu disediakan. Audit meja pula dijalankan di pejabat LHDNM berdasarkan maklumat-maklumat yang dikemukakan.



FIELD AUDIT PERFORMANCE



TAX AUDITS RESOLVED



DESK AUDIT PERFORMANCE

Pematuhan Cukai

Audit Potongan Cukai Bulanan (PCB)

Pelaksanaan program audit PCB adalah bertujuan memeriksa tahap pematuhan majikan dalam membuat dan meremitkan potongan cukai daripada saraan bulanan pekerja ke LHDNM mengikut peraturan yang ditetapkan dalam Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Daripada Saraan) 1994. Audit PCB dilakukan dengan membuat pemeriksaan rekod gaji pekerja di premis majikan.

Kegagalan majikan mematuhi PCB boleh disabitkan kesalahan di bawah Kaedah 17, Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan daripada Saraan) 1994. Jika disabitkan kesalahan, denda akan dikenakan, iaitu tidak melebihi RM1,000 atau penjara untuk tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Manakala majikan yang gagal meremitkan bayaran sebelum atau pada 10 haribulan pada bulan yang berikutnya boleh dikenakan denda minima RM200 dan tidak melebihi RM2,000 atau enam

bulan penjara atau kedua-duanya sekali. Bayaran PCB yang tidak dipotong akan menjadi hutang kepada kerajaan. Oleh itu, hukuman pendakwaan di mahkamah akan dikenakan bagi majikan yang tidak memotong bayaran PCB atau memotong tetapi tidak meremitkan bayaran tersebut ke LHDNM.

Fokus Audit

Inisiatif untuk melaksanakan aktiviti pengauditan secara fokus audit telah dimulakan dengan mengambil tiga cawangan sebagai cawangan perintis. Cawangan tersebut ialah Cawangan Pulau Pinang, Cawangan Melaka dan Cawangan Taiping. Sebanyak 25 kes telah dipilih untuk dilaksanakan fokus audit iaitu 10 kes masing-masing untuk Cawangan Pulau Pinang dan Melaka dan lima kes untuk Cawangan Taiping.

Fokus audit ini juga telah dicadangkan sebagai salah satu strategi dan inisiatif dalam *Public Finance Reform* dan bagi mengatasi ketirisan hasil negara. Oleh kerana fokus audit ini telah menjadi satu strategi dan inisiatif yang penting dalam pendekatan LHDNM kearah peningkatan pematuhan cukai secara sukarela dan pungutan hasil negara, maka mulai tahun 2012, semua kes syarikat (kecuali kes industri khas) akan dilaksanakan fokus audit.



PENYELESAIAN AUDIT PCB							
Tahun	Bilangan Majikan Diaudit	Majikan Tidak Patuh		Cukai Kurang Dipotong (RM Juta)	Kompapun (RM Juta)	Jumlah Cukai dan Kompapun (RM Juta)	Bilangan Kesalahan Didakwa Di Mahkamah
		Bilangan	%				
2011	37,691	5,679	15	57.88	6.35	64.23	632
2010	31,821	5,783	18.17	81.99	8.10	90.09	1,572

Penguatkuasaan Dan Pendakwaan

Siasatan

Aktiviti penyiasatan adalah satu kaedah penguatkuasaan yang dijalankan oleh LHDNM bagi mengesan pelarian cukai. Ia dilaksanakan melalui lawatan mengejut ke premis perniagaan, kediaman dan premis lain yang berkaitan dengan perniagaan pembayar cukai. Rekod perniagaan dan rekod kewangan yang berkaitan akan diambil untuk diperiksa di pejabat LHDNM. Pemeriksaan ini dilakukan untuk memastikan pendapatan sebenar telah dilaporkan dan cukai dikira serta dibayar mengikut undang-undang dan peraturan percukaian.


Aktiviti utama Siasatan dibahagikan kepada siasatan sivil dan siasatan jenayah. Tindakan penguatkuasaan melalui siasatan sivil dilakukan bagi menangani aktiviti pengelakkan cukai secara sengaja dan cuai dalam membuat laporan percukaian dengan tujuan untuk memperolehi semula cukai yang hilang berserta dengan pengenaan penalti yang tinggi.

Tindakan siasatan jenayah pula adalah satu kaedah untuk melaksanakan siasatan secara jenayah ke atas pembayar cukai dengan membawa pesalah ke mahkamah untuk diadili melalui proses pendakwaan. Pembayar cukai yang disabitkan kesalahan pelarian cukai boleh dikenakan hukuman denda atau penjara atau kedua-dua serta dikenakan penalti khas.


Bagi memantapkan kecekapan dan keberkesanan aktiviti siasatan, Bahagian Makmal Forensik juga telah memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya dalam membantu tugas penyiasatan samada siasatan sivil atau siasatan jenayah. Ini sejajar dengan era teknologi maklumat masa kini di mana kebanyakan individu serta syarikat yang menjalankan perniagaan telah menyediakan dan menyimpan data dan maklumat perniagaan di dalam komputer serta peranti elektronik.

Aktiviti utama makmal ini adalah mengesan dan menganalisa maklumat dalam bentuk elektronik atau dokumen fizikal yang dipadam, dibasmi atau diubah bagi tujuan penipuan. Maklumat berkenaan boleh dibawa ke mahkamah sebagai bahan bukti digital bagi kes siasatan jenayah. Bagi kes siasatan sivil maklumat seperti ini boleh membantu dalam mengenal pasti isu peninggalan dan pengelakan pendapatan.

Dalam usaha membantu kerajaan membanteras jenayah pengubahan wang haram, Jabatan Siasatan telah bekerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasa Anti-Money Laundering



and Anti-Terrorism Financing Act 2001 (AMLATFA) seperti Bank Negara Malaysia, Kastam DiRaja Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Sehubungan itu, Jabatan Siasatan telah menubuhkan Unit Anti Money Laundering (AMLA) pada tahun 2010. Kawalselia Unit AMLA telah diletakkan di bawah Bahagian Khas Pematuhan dan Pencegahan. Unit AMLA bertanggungjawab untuk membangunkan kes-kes pelarian cukai yang berkaitan pengubahan wang haram dan seterusnya diserahkan kepada Cawangan Siasatan untuk siasatan lanjut.



Penguatkuasaan Dan Pendakwaan

Tindakan Larangan Meninggalkan Negara

Penguatkuasaan bagi larangan meninggalkan negara (Seksyen 104, Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Seksyen 22, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976) akan diambil ke atas pembayar cukai yang gagal menjelaskan tanggungan cukai pendapatan dan cukai keuntungan harta tanah serta dipercayai akan keluar meninggalkan negara.

Dalam tahun 2011, seramai 72,013 pembayar cukai bagi kategori cukai pendapatan dan 10,903 pembayar cukai bagi kategori cukai keuntungan harta tanah telah dikenakan tindakan penguatkuasaan larangan tersebut. Ia melibatkan jumlah tunggakan cukai sebanyak RM2,198.12 juta dan RM212.58 juta masing masing.



Tindakan guaman sivil

Asas tindakan guaman sivil ialah kegagalan pembayar cukai menyelesaikan cukai yang terhutang sama ada cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 atau Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976. Saman berserta Pernyataan Tuntutan difailkan di mahkamah dan disampaikan kepada pembayar cukai.

Apabila penghakiman diperolehi, tindakan pelaksanaan penghakiman diambil terhadap individu dengan memulakan prosedur kebangkrutan. Prosedur saman penghutang penghakiman dilaksanakan jika cukai yang dituntut kurang daripada had jumlah minima untuk tindakan kebangkrutan. Sekiranya terdapat maklumat mengenai pemilikan harta tanah oleh individu terbabit, kaveat dimasukkan ke atas harta tanahnya dan tindakan lelong dibuat melalui prosedur perintah larangan. Tindakan penggulungan merupakan tindakan pelaksanaan penghakiman yang lazim diambil ke atas syarikat. Bagi kes yang telah mendapat perintah kebangkrutan atau penggulungan, bukti hutang akan didaftarkan di Jabatan Insolvensi Malaysia.

Dalam tahun 2011, LHDNM telah memfailkan 11,026 saman sivil ke mahkamah. Jumlah saman ini adalah melibatkan 10,501 kes individu dan 525 kes syarikat dengan tanggungan cukai berjumlah RM430.34 juta dan RM297.63 juta masing masing.

Setelah penghakiman diperoleh, tindakan menguatkuasa dan melaksanakan penghakiman seperti berikut akan diambil:

- Tindakan writ saman penyitaan dan penjualan, saman penghutang atau kebangkrutan bagi pembayar cukai individu; dan
- Tindakan penggulungan bagi pembayar cukai syarikat.

Bagi kes yang telah mendapat perintah kebangkrutan atau penggulungan, bukti hutang akan didaftarkan di Jabatan Insolvensi Malaysia

TINDAKAN LARANGAN MENINGGALKAN NEGARA

Jenis Cukai	Bilangan Kes Berkuat kuasa (Tahun 2010 dan Sebelum)	Jumlah Cukai Yang Terlibat (RM Juta)	Bilangan Kes Berkuat kuasa (Januari – Disember 2011)	Jumlah Cukai Yang Terlibat (RM Juta)	Bilangan Kes Berkuat kuasa (Sehingga 2010*)	Jumlah Cukai Yang Terlibat (RM Juta)
Cukai Pendapatan	66,736	2,037.33	72,013	2,198.12	51,287	1,671.14
Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT)	9,432	192.13	10,903	212.58	8,652	173.99
Jumlah	76,168	2,229.46	82,918	2,410.71	59,939	1,845.13

Pungutan

Sepanjang tahun 2011, LHDNM memberi penekanan yang serius kepada program pungutan yang dijalankan bagi memastikan keberkesanan dan kecekapan dalam kutipan cukai. Penekanan kepada program pungutan adalah memfokuskan kepada aktiviti teras seperti berikut:


- Memungut anggaran cukai melalui Potongan Cukai Bulanan dan Skim Bayaran Ansuran
- Mengurangkan tunggakan hasil (Akaun Belum Terima) sebanyak 51% pada hujung tahun 2011; dan
- Memastikan bayaran balik diproses mengikut tempoh seperti yang dinyatakan dalam Piagam Pelanggan LHDNM.

Potongan Cukai Bulanan

Pembayar cukai individu yang berpendapatan penggajian membuat bayaran cukai melalui PCB yang dipotong oleh majikan masing-masing daripada saraan bulanan pekerja. Potongan ini dibuat mengikut Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan daripada Saraan) 1994, bertujuan untuk mengurangkan beban pekerja membayar cukai sekaligus apabila cukai dikira semasa

mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan. Untuk tahun 2011, penentuan amaun PCB adalah berdasarkan kepada dua kaedah iaitu Jadual PCB dan Kaedah Pengiraan Komputer. Bagi majikan yang menentukan amaun PCB menggunakan Kaedah Pengiraan Berkomputer, pekerja boleh membuat tuntutan potongan dan rebat yang dibenarkan di bawah akta pada setiap bulan atau mana-mana bulan dikehendaki dalam tahun semasa. Manakala bagi majikan yang menggunakan Jadual PCB, mereka dikehendaki menggunakan sistem atau aplikasi yang dibangunkan oleh LHDNM sekiranya terdapat pekerja yang ingin membuat potongan dan rebat yang dibenarkan.

Dalam tahun 2011, pungutan cukai melalui PCB adalah sebanyak RM13,227.53 juta dan ia telah menyumbang kepada 12.07% daripada pungutan cukai langsung. LHDN turut memperluaskan kemudahan membuat pembayaran PCB kepada majikan melalui perbankan elektronik dan melalui kaunter bank yang dilantik sebagai ejen penerimaan.



PUNGUTAN PCB MENGIKUT KAEDAH PEMBAYARAN		
	2011 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Kaunter Bayaran LHDNM		
Jumlah	11,439.97	9,830.89
Kaunter Bank		
CIMB Bank Berhad	346.93	323.89
Public Bank Berhad	646.87	498.15
Jumlah	993.80	822.04
Perbankan Internet		
CIMB Bank Berhad	285.84	177.93
Public Bank Berhad	171.40	120.01
RHB Bank Berhad	149.68	45.69
Alliance Bank Berhad	26.35	1.90
Maybank Berhad	104.03	19.45
EON Bank Berhad	3.82	0.65
OCBC Bank Berhad	47.90	0.13
e-PCB & e-Data PCB	4.74	0.60
Jumlah	793.76	366.36
Jumlah Besar	13,227.53	11,019.29

Pungutan

BAYARAN CUKAI PENDAPATAN

Butiran Yang Perlu Semasa Membayar Cukai

• No. Fail Cukai Pendapatan	• Nama dan No. Kad Pengenalan
• Alamat	• Tahun Taksiran
• No. Jadual Skim Bayaran Ansuran	• Kod Bayaran
• Nombor Ansuran	• Jumlah bayaran

Nota: Simpan resit dan slip bank untuk rujukan

Borang Yang Perlu Digunakan

JENIS BAYARAN	BORANG DIGUNAKAN	
	KAUNTER	BANK
Cukai Pendapatan/CKHT Skim Ansuran (Syarikat) Skim Ansuran (Individu) Potongan Cukai Bulanan (PCB)	CP157 CP207 CP501 CP39 atau Disket	Slip bank } Slip khas Disket

Bayaran Ansuran Syarikat (Anggaran dibuat oleh Syarikat)

	SYARIKAT BARU	SYARIKAT SEDIA ADA	BORANG
Hantar anggaran	Dalam masa 3 bulan pertama operasi	30 hari sebelum mula tempoh asas	CP204
Mula bayar	Bulan keenam tempoh asas	Bulan kedua tempoh asas	
Tarikh bayaran	Sebelum/pada 10 hb		CP207
Pinda anggaran	Bulan keenam atau kesembilan tempoh asas		CP204A

Bayaran Ansuran Individu

SELAIN PENGGAJIAN (CP500)	PENGGAJIAN (PCB)
- 6 ansuran dikeluarkan oleh LHDNM - Bayar mulai Mac - Setiap ansuran bayar dalam masa 30 hari - Mohon pindaan sebelum 30 Jun (jika perlu)	- Majikan potong gaji pekerja ikut Kaedah PCB - Bayar sebelum/pada 10 hb (CP 39)

www.hasil.gov.my
1-300-88-3010

Pungutan Cukai Melalui Skim Bayaran Ansuran

Terdapat dua kategori bagi pungutan cukai melalui bayaran ansuran di bawah Seksyen 107B dan Seksyen 107C Akta Cukai Pendapatan 1967:

- Pembayar cukai kategori individu yang berpendapatan perniagaan:
 - Kutipan cukai adalah secara ansuran dwi-bulanan menerusi notis bayaran ansuran (Borang CP500) yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri;
 - Jadual ansuran bermula bulan Mac sehingga Januari tahun berikutnya; dan
 - Permohonan pindaan (Borang CP502) boleh dibuat sebelum 30 Jun tahun berkenaan.
- Pembayar cukai kategori syarikat, koperasi, badan amanah dan amanah unit/harta;
 - Kutipan cukai adalah secara ansuran bulanan berdasarkan anggaran cukai (Borang CP204) yang dikemukakan oleh pembayar cukai pada atau sebelum tarikh akhir dibenarkan mengikut tempoh asas perakaunan pembayar cukai;
 - Notis Anggaran Cukai Kena Dibayar (Borang CP205) akan dikeluarkan bagi pembayar cukai yang gagal mengemukakan Borang CP204;
 - Jadual ansuran bermula dari bulan kedua tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran; dan
 - Permohonan pindaan (Borang CP204A) boleh dibuat pada bulan keenam atau kesembilan tempoh perakaunan atau pada kedua-dua bulan tersebut.

Kegagalan mematuhi jadual pembayaran ansuran bagi kedua-dua kategori pembayar cukai di atas akan menyebabkan kenaikan cukai sebanyak 10% ke atas baki ansuran yang tidak dibayar.

ANGGARAN CUKAI SYARIKAT (BORANG CP204) DAN BAYARAN ANSURAN INDIVIDU (BORANG CP500)

	2011	2010
Bilangan Borang CP204 Diterima	296,456	279,639
Anggaran Cukai Borang CP204* (RM Juta)	41,013.49	35,304.57
Bilangan Borang CP500 Dikeluarkan	264,918	288,545
Bayaran Ansuran Borang CP500** (RM Juta)	1,743.59	2,002.66

Pungutan

Pengurusan Tunggakan Hasil

Sebagai agensi pemungut cukai utama kepada kerajaan, LHDNM bertanggungjawab memastikan tanggungan cukai yang perlu dibayar kepada kerajaan dapat dikutip dengan cekap dan berkesan bagi mengelakkan berlakunya tunggakan hasil. Pengurusan tunggakan hasil sentiasa diutamakan dan dipertingkatkan bagi mengurangkan amaun tunggakan ke tahap yang minimum bagi kes tahun semasa disamping mengelakkan kewujudan tunggakan baharu.

Sehingga 31 Disember 2011, sebanyak 790,617 kes tunggakan cukai berjaya diambil tindakan. Pencapaian bagi tindakan pengurangan kes tunggakan cukai ini telah mengurangkan baki Akaun Belum Terima sebanyak 63.44% dan melibatkan amaun sebanyak RM6.40 bilion.


Pembayaran Balik

Mengikut Piagam Pelanggan, kes bayaran balik akan diproses dalam tempoh seperti berikut dengan syarat Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) yang diterima adalah lengkap dan teratur.

- 30 hari bekerja dari tarikh BNCP diterima jika BNCP diterima secara e-Filing; dan
- 90 hari bekerja dari tarikh BNCP diterima jika BNCP diterima secara manual.

Dalam tahun 2011, LHDNM berjaya mengeluarkan 1,566,370 baucer bayaran balik yang melibatkan RM5,772.47 juta. Jumlah ini merangkumi tuntutan bayaran balik bagi kes individu dan syarikat.

Sebagai langkah penambahbaikan dan inovasi dalam proses kerja pembayaran balik, *Electronic Fund Transfer* (EFT) telah dilaksanakan mulai 1 Januari 2010. Amaun pembayaran balik akan dimasukkan terus ke akaun pembayar cukai. Dengan pelaksanaan EFT ini, proses pembayaran balik dapat dipercepatkan dan menghapuskan penggunaan cek sebagai medium pembayaran. Selain itu, EFT juga dapat mengurangkan masalah yang timbul seperti cek tidak diterima oleh pembayar cukai, kes-kes penipuan melibatkan cek dan juga cek tamat tempoh



PRESTASI PEMBAYARAN BALIK LEBIHAN BAYARAN			
		2011	2010
Selain Syarikat	Bilangan Kes	1,494,667	866,940
	Amaun (RM Juta)	1,719.76	1,651.22
Syarikat	Bilangan Kes	71,703	24,837
	Amaun (RM Juta)	4,052.71	5,483.82

PRESTASI KORPORAT


Pungutan

Pungutan Cukai Pegangan

Pungutan cukai bagi beberapa jenis bayaran yang diterima oleh penerima bukan pemastautin daripada pembayar yang bermastautin di Malaysia, dilaksanakan melalui kaedah cukai pegangan. Pungutan cukai pegangan dilaksanakan ke atas jenis-jenis pendapatan di bawah peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 seperti berikut:

- Seksyen 107A (bayaran kontrak);
- Seksyen 109/109B (faedah, royalti, bayaran perkhidmatan atau yuran, sewa, dan bayaran lain);
- Seksyen 109C (faedah [kecuali faedah yang dikecualikan] dibayar oleh institusi kewangan yang diluluskan); dan
- Seksyen 109D (pengagihan pendapatan daripada unit amanah).

Dalam tahun 2011, sejumlah RM1,525.10 juta telah dipungut melalui mekanisme ini.



- Seksyen 107A (RM86.04 Juta)
- Seksyen 109/109B (RM1,406.77Juta)
- Seksyen 109C (RM2.15 Juta)
- Seksyen 109D (RM30.14 Juta)


PUNGUTAN CUKAI PEGANGAN

Call-Out Centre (COC)

Panggilan menerusi COC berperanan menghubungi pembayar cukai yang mempunyai hutang cukai yang belum dijelaskan. Tujuan panggilan COC adalah:

- Mengingatkan pembayar cukai tentang hutang cukai yang belum dijelaskan;
- Memaklumkan tindakan penguatkuasaan yang bakal diambil sekiranya bayaran masih gagal dijelaskan; dan
- Membantu pembayar cukai yang menghadapi masalah aliran tunai dengan menjadualkan semula pembayaran ansuran mengikut keupayaan kewangan mereka.

Dalam tahun 2011, sebanyak 29,718 panggilan yang melibatkan amaun tunggakan cukai berjumlah RM496.78 juta telah dibuat. Sebanyak RM79.15 juta pula berjaya dikutip daripada amaun tunggakan tersebut.




PRESTASI CALL-OUT CENTRE

Perkhidmatan Pelanggan

LHDNM sentiasa memberi keutamaan kepada program peningkatan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan yang diberikan. Perkhidmatan pelanggan yang disediakan oleh LHDNM membolehkan orang ramai mendapatkan maklumat percukaian dengan mudah dan cepat melalui program-program yang dirancang khas serta melalui penyediaan pelbagai kemudahan lain untuk pembayar cukai.

Pusat Khidmat Pelanggan

Pusat Khidmat Pelanggan (PKP) ditubuhkan bagi memberi perkhidmatan percukaian khususnya menerusi telefon dan e-mel. Pembayar cukai boleh menghubungi LHDNM dengan mudah melalui talian bebas tol 1-300-88-3010. LHDNM mempunyai dua lokasi PKP iaitu di Pandan Indah, Kuala Lumpur dan Kuching, Sarawak. Panggilan-panggilan yang diterima akan diagihkan secara automatik ke PKP Pandan Indah atau PKP Kuching untuk dikendalikan.



Pusat Khidmat Hasil

Pusat Khidmat Hasil (PKH) ditubuhkan bagi mengambil alih tugas penyeteman daripada Pejabat Daerah untuk memberi perkhidmatan penyeteman yang lebih efisien, memastikan taksiran dan pungutan duti setem dilakukan secara tepat serta memberikan perkhidmatan percukaian.

Penubuhan PKH telah berjaya memudahkan urusan berhubung duti setem dan ia telah menyumbang kepada peningkatan kutipan duti setem setiap tahun. Sehingga 31 Disember 2011, LHDNM telah mempunyai sebanyak 14 buah PKH yang beroperasi di seluruh negara.

KUTIPAN DUTI SETEM DI PUSAT KHIDMAT HASIL		
PKH dan Penubuhan	2011 (RM juta)	2010 (RM juta)
Manjung (01.04.2004)	26.88	19.83
Hulu Langat (15.04.2004)	73.19	61.38
Batu Pahat (01.06.2004)	44.55	32.61
Lahad Datu (1.07.2005)	0.55	0.57
Kudat (15.07.2005)	0.36	0.24
Mukah (26.09.2005)	0.12	0.13
Limbang (15.11.2005)	1.65	1.58
Kemaman (05.12.2005)	7.16	7.15
Bentong (09.07.2007)	19.76	23.81
Sri Aman (01.10.2007)	1.55	1.27
Tampin (15.10.2007)	5.25	3.53
Kuala Pilah (02.01.2008)	3.33	2.15
Segamat (15.08.2008)	12.71	15.86
Tanah Merah (01.04.2009)	2.35	2.39
Jumlah	199.41	172.50

PRESTASI KORPORAT

Perkhidmatan Pelanggan


Kaunter Bayaran

Bayaran cukai hanya boleh dilakukan di kaunter bayaran LHDNM yang terdapat di tiga pusat kutipan cukai iaitu di Cawangan Pungutan Kuala Lumpur, Cawangan Kuching di Sarawak dan Cawangan Kota Kinabalu, Sabah. Kaunter bayaran LHDNM menerima bayaran cukai berbentuk tunai, cek, bank draf atau kiriman wang pos. Pengiriman bayaran cukai melalui pos juga boleh dikemukakan ke cawangan berkenaan.

Selain itu, urusan pembayaran cukai juga boleh dibuat melalui semua kaunter CIMB Bank Berhad, Public Bank Berhad, dan Maybank Berhad yang telah dilantik sebagai ejen penerima bayaran cukai. Prestasi pembayaran cukai untuk tahun 2011 adalah seperti diajah.

Kaunter Setempat


Perkhidmatan kaunter setempat dikendalikan oleh Unit Khidmat Pelanggan di semua cawangan LHDNM bagi membolehkan pembayar cukai mengendalikan semua urusan percukaian di satu lokasi dalam persekitaran yang lebih selesa, mesra dan cepat. Dalam usaha penambahbaikan perkhidmatan kaunter ini, pembayar cukai diberi peluang menyuarakan sebarang pandangan dan aduan melalui Peti Maklum Balas Perkhidmatan yang ditempatkan di semua kaunter LHDNM dan Peti Aduan/Cadangan yang ditempatkan di kaunter utama LHDNM. Aduan juga boleh dibuat secara interaktif dengan menggunakan Borang Interaktif melalui Laman Web LHDNM.



Perkhidmatan Pelanggan

Kaunter Perkhidmatan di Pameran/Ekspo

Kaunter perkhidmatan LHDNM dibuka bagi mempromosi penggunaan perkhidmatan elektronik LHDNM semasa berlangsungnya beberapa ekspo perdagangan, pameran dan acara keramaian yang dianjurkan oleh kerajaan, badan berkanun, syarikat swasta, majlis perbandaran serta institusi pengajian tinggi. Antara ekspo yang telah disertai sepanjang tahun 2011 ialah Kaunter Perkhidmatan di Kementerian Pelajaran Malaysia, Hari Sumber Manusia Petronas Carigali, Hari Bertemu Pelanggan Bank Rakyat, Hari Sumber Manusia Pusat Latihan Petronas Bangi (PERMATA), Kaunter Perkhidmatan di Genting Highlands, *Engagement Session With Chief Secretary To The Government On The World Bank Doing Business Report* dan sebagainya.



Bulan Perkhidmatan Pembayar Cukai (BPPC)

Program BPPC adalah merupakan bulan di mana LHDNM membuka lebih banyak kaunter perkhidmatan kepada orang ramai untuk membantu mereka mengatasi sebarang masalah yang dihadapi dalam mengisi borang nyata cukai pendapatan, dan menggalakkan orang ramai menggunakan e-filing sebagai kaedah untuk mengemukakan BNCP mereka dengan cepat dan mudah. Program BPPC 2011 diadakan dari tempoh 1 April 2011 hingga 30 April dan 1 Jun hingga 30 Jun 2011. Dalam tempoh ini, LHDNM mempergiatkan lagi aktiviti hebahan dan publisiti kepada orang ramai sama ada melalui radio, televisyen, media cetak, laman web, brosur dan sebagainya. Aktiviti ini meningkatkan lagi kesedaran mereka tentang keperluan mengemukakan BNCP dengan segera serta memaklumkan tentang pelbagai perkhidmatan khidmat nasihat. BPPC juga akan turut menyaksikan kaunter perkhidmatan LHDNM dibuka lebih lama.

KAUNTER PERKHIDMATAN BPPC



PRESTASI KORPORAT

Program Pendidikan Cukai

Program pendidikan cukai diadakan secara berterusan kepada individu, syarikat, ejen cukai, majikan dan bakal pembayar cukai. Melalui program ini pembayar cukai akan menyedari akan hak dan tanggungjawab mereka terhadap pematuhan cukai. Selain pendidikan cukai, LHDNM juga meningkat dan menambah baik penyampaian perkhidmatan kepada pembayar cukai melalui beberapa pendekatan serta aktiviti yang merapatkan lagi orang awam kepada organisasi ini. Aktiviti pendidikan cukai dan khidmat pelanggan dijalankan di Ibu pejabat dan juga di semua cawangan dan diselia oleh Jabatan Khidmat Korporat.





Taklimat, Bengkel dan Ceramah Percukaian

Bagi meminimumkan kesilapan pengiraan cukai pendapatan yang dibuat dan menggalakkan penggunaan perkhidmatan elektronik LHDNM, pendidikan cukai disampaikan melalui taklimat, bengkel dan ceramah percukaian. Taklimat yang diadakan adalah menjurus kepada penggunaan aplikasi perkhidmatan elektronik iaitu taklimat STS/e-Filing, e-PCB, e-Data PCB, e-Daftar serta perkhidmatan elektronik yang lain.

Khidmat Sokongan Peniaga

Bengkel Khidmat Sokongan Peniaga menawarkan program khidmat nasihat kepada golongan peniaga kecil dan sederhana yang tidak diwakili oleh ejen cukai. Ia meliputi pendidikan berkaitan kaedah penyimpanan rekod perniagaan, penyediaan akaun ringkas perniagaan dan pengiraan serta pembayaran cukai. Program ini telah diperluaskan kepada perkhidmatan kaunter melalui usaha sama dengan agensi luar serta persatuan.



Program Pendidikan Cukai

Pegawai Perhubungan Cukai

Program pelantikan Pegawai Perhubungan Cukai di kalangan majikan, kerajaan, swasta dan persatuan yang mempunyai bilangan pekerja yang ramai berfungsi sebagai orang perantara/penghubung kepada pekerja dalam menyalurkan maklumat, melaksanakan tugas sebagai pembayar cukai serta meningkatkan pemahaman cukai. Pegawai Perhubungan Cukai yang dilantik oleh Ketua Majikan adalah daripada kalangan Eksekutif Sumber Manusia, Pegawai Perhubungan Awam atau Pegawai Latihan yang boleh dirujuk dengan mudah oleh pekerja lain. Sepanjang tahun 2011, seramai 1,616 orang Pegawai Perhubungan Cukai telah dilantik oleh LHDNM



Seminar Percukaian/Taklimat Bajet

Seminar percukaian merupakan aktiviti tahunan yang dianjurkan bagi memberi informasi terkini berhubung perubahan undang-undang percukaian. Penyertaan adalah terbuka kepada pengamal percukaian. Dalam tahun 2011, LHDNM telah mengadakan Seminar Percukaian Kebangsaan di 22 lokasi terpilih diseluruh negara. Selain itu, LHDNM juga menganjurkan taklimat bajet kepada pegawai LHDNM sebaik sahaja Bajet Tahunan 2012 dibentangkan oleh Menteri Kewangan Malaysia di Parlimen.

Program Lawatan Ke LHDNM

Program lawatan ke ibu pejabat dan cawangan LHDNM oleh penuntut Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan agensi luar seluruh Malaysia merupakan satu lagi aktiviti pendidikan cukai yang dikendalikan sepanjang tahun. Pengisian program pendidikan cukai semasa lawatan ini adalah berbentuk ceramah pengenalan LHDNM serta kesedaran cukai, taklimat kerjaya di LHDNM dan lawatan ke kaunter perkhidmatan LHDNM. Bagi memberi impak kepada informasi taklimat kesedaran cukai yang telah disampaikan, aktiviti tambahan mengikut kesesuaian seperti kuiz Hasil juga diadakan khusus kepada pembayar cukai seperti pelajar IPT.



PRESTASI KORPORAT

Program Pendidikan Cukai

Tele Info LHDNM

Perkhidmatan talian Tele Info LHDNM merupakan kemudahan tambahan kepada pembayar cukai mendapatkan maklumat percukaian. Nombor talian untuk perkhidmatan ini ialah 03-42893636 yang beroperasi 24 jam sehari. Lebih 600 maklumat cukai disediakan dalam dwi-bahasa. (Bahasa Malaysia/Inggeris) dalam bentuk rakaman suara (audio). Pengguna juga boleh membuat pilihan untuk mendapatkan salinan maklumat yang diingini melalui kemudahan faks. Setiap panggilan akan dicaj pada kadar biasa manakala perkhidmatan faks disediakan secara percuma untuk pengguna faks di Malaysia sahaja.



PERKHIDMATAN TELE INFO		
Kategori	2011	2010
Panggilan Tele Info Diterima	90,800	72,186
Pemanggil Tahu Kod Info	11,103	9,501
Pemanggil Tidak Tahu Kod Info	71,993	56,127
Bilangan Pemanggil Melalui Faks (Tahu Kod Info)	291	488
Bilangan Pemanggil Melalui Faks (Tidak Tahu Kod Info)	28,352	22,797



Hebahan dan publisiti Menerusi Media

Program hebahan dan publisiti menerusi media memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan imej LHDNM dan meningkatkan tahap kesedaran dan menghebahkan maklumat percukaian kepada orang awam. Aktiviti hebahan dan publisiti menerusi pengiklanan dilaksanakan secara berterusan terutama dalam mempromosi musim penghantaran borang nyata dan kempen menggalakkan penggunaan perkhidmatan elektronik LHDNM. Aktiviti-aktiviti kesedaran cukai dan berjaya mendapatkan slot-slot rancangan televisyen, radio dan akhbar-akhbar tempatan.

Peranan dan kerjasama yang dimainkan oleh media cetak dan media komunikasi telah banyak membantu LHDNM mempromosi kempen penghantaran Borang Nyata Cukai Pendapatan, kempen menggalakkan penggunaan perkhidmatan elektronik LHDNM serta lain lain info percukaian. Melalui aktiviti publisiti yang dijalankan secara tidak langsung ia dapat meningkatkan imej perkhidmatan LHDNM.

Program Pendidikan Cukai

Maklumat Percukaian Melalui Internet

Maklumat percukaian yang dipaparkan melalui lama web LHDNM (www.hasil.gov.my) memudahkan orang ramai mendapatkan maklumat percukaian asas selain dapat mengetahui jadual pelbagai program perkhidmatan serta maklumat terkini. LHDNM turut menambah baik Sistem Aduan Pelanggan bagi memudahkan pembayar cukai mengemukakan aduan. LHDNM juga mempunyai blog rasmi yang bertujuan memberi nilai tambah kepada perkhidmatan laman web sedia ada disamping mendekati pembayar cukai melalui media sosial.

Penerbitan LHDNM

Dalam tahun 2011, LHDNM menerbitkan 16 risalah percukaian dalam format yang lebih ceria, ringkas dan mudah. Risalah percukaian diedarkan kepada orang ramai melalui kaunter perkhidmatan di seluruh cawangan LHDNM. Selain itu, LHDNM juga menerbitkan Berita Hasil iaitu majalah rasmi LHDNM untuk edaran dalaman dan agensi luar. Ia dikeluarkan sebanyak tiga kali setahun dan memuatkan aktiviti-aktiviti LHDNM sepanjang tahun. Berita HASIL ini juga boleh dicapai dan dimuat turun daripada laman web LHDNM.

Selain itu, LHDNM telah menerbitkan Video TV Hasil. Video ini merupakan projek *in-house* bagi aktiviti pendidikan dan kesedaran cukai untuk ditayangkan di semua kaunter perkhidmatan LHDNM. Kandungan video padat dengan informasi yang komprehensif melalui gabungan maklumat berhubung perkhidmatan elektronik, perkhidmatan kaunter, info cukai, budaya korporat LHDNM dan berkonsepkan 1 Malaysia.

PENGUNJUNG LAMAN WEB LHDNM

	2011	2010
Jumlah Pengunjung	15,111,498	4,834,085

Kem Cerdik Cukai tingkat pemahaman pelajar



MOHD. Shukor Mahfar (empat dari kiri) dan Abd. Ghafar Mahmud (tiga dari kiri) bersama guru dan pelajar sekolah harian sekitar Wilayah Persekutuan, Selangor, Negeri Sembilan dan Lembah Klang yang menyertai Kem Cerdik Cukai 2011 di Akademi Percukaian Malaysia, Bangi, kelmarin.

KUALA LUMPUR 11 Sept. - Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) menganjurkan Kem Cerdik Cukai (KCC) 2011 bertujuan meningkatkan pemahaman pelajar sekolah mengenai kepentingan dan fungsi pentadbiran cukai negara.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Dr. Mohd. Shukor Mahfar berkata, kem yang julung-julung kali diadakan itu juga diharap dapat menerapkan kesedaran tanggungjawab membayar cukai dalam kalangan generasi muda.

Katanya, selain itu, program usaha sama dengan Kementerian Pelajaran itu turut memberi pendedahan kepada pelajar tentang peluang kerjaya dalam bidang percukaian.

"Kem selama tiga hari ini disertai 205 pelajar tingkatan enam dan 51 guru dari sekolah harian sekitar Wilayah Persekutuan, Selangor dan Negeri Sembilan.

"Kem ini adalah sebagai perintis yang mana jika ia berjaya mencapai matlamatnya, LHDN akan menganjurkan program ini dengan skala yang lebih besar sehingga ke peringkat kebangsaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan KCC 2011 di Akademi Percukaian Malaysia, Bangi dekat sini, semalam.

Sementara itu, Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Abd. Ghafar Mahmud yang turut hadir pada majlis itu berkata, KCC merupakan aktiviti kokurikulum yang dapat meningkatkan pengetahuan peserta.

"Ia juga membantu perkembangan mental, bakat dan pembentukan nilai estetika serta nilai sosial yang positif.

"Diharapkan melalui program ini, pelajar dapat menggunakan sepenuhnya pengetahuan yang

Perkhidmatan Elektronik

Perkhidmatan Elektronik

Inovasi dijadikan teras dalam usaha meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan. Dalam perspektif ini, LHDNM telah meneruskan dan menambah baik perkhidmatan percukaian mereka. Pelanggan mendapat manfaat dengan menggunakan kemudahan perkhidmatan online dan transaksi adalah lebih mudah kerana “cukai di hujung jari anda”. Oleh itu, masyarakat disaran menggunakan secara optimum perkhidmatan elektronik yang ditawarkan bagi menjana peningkatan kutipan hasil, penjimatan kos operasi serta menyokong agenda kerajaan elektronik.




e-Filing

Aplikasi e-Filing dibangunkan bagi memudahkan pembayar cukai mengemukakan BNCP secara elektronik. Aplikasi ini dikawal selia oleh ciri-ciri keselamatan berlandaskan Prasarana Kekunci Awam (Public Key Infrastructure). LHDNM sentiasa memperkemas dan melakukan penambahbaikan terhadap aplikasi e-Filing supaya lebih mudah, tepat dan selamat.

Antara penambahbaikan yang dilakukan adalah pembayar cukai boleh memohon nombor PIN dan reset kata laluan e-Filing melalui e-mel.

e-Filing Ejen Cukai.

e-Filing Ejen Cukai merupakan aplikasi pengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan oleh ejen cukai bagi pihak pelanggan mereka secara elektronik. Ejen cukai perlu mendapatkan kebenaran bertulis daripada pelanggan mereka terlebih dahulu dengan mengisi Borang Kuasa Pemfailan Penyata Secara Elektronik (Borang CP55)



Perkhidmatan Elektronik

e-Bayaran


LHDNM menyediakan kemudahan untuk melakukan pembayaran cukai melalui internet dengan menggunakan khidmat perbankan elektronik. Khidmat perbankan elektronik ini boleh didapati melalui ejen penerima bayaran cukai yang dilantik iaitu CIMB Bank Berhad, Public Bank Berhad, Citibank Berhad, RHB Bank Berhad, OCBC Bank Berhad dan Pos Malaysia Berhad. Kaedah pembayaran cukai secara elektronik yang telah dilaksanakan adalah pembayaran cukai pendapatan dan cukai keuntungan harta tanah, kemudahan pembayaran PCB untuk majikan serta bayaran cukai melalui *Financial Process Exchange* (FPX).

STAMPS

STAMPS (*Stamp Assessment and Payment System*) merupakan satu sistem baharu yang dibangunkan sebagai penambahbaikan kepada Sistem Taksiran Pindah Milik Harta Tanah (STPH). STAMPS melibatkan pemodenan proses penyeteman surat

cara dalam talian yang merupakan alternative pilihan kepada kaedah penyeteman sedia ada di mana sijil setem dijana dan boleh dicetak oleh pengguna. Penggunaannya telah diperluaskan kepada bank dan syarikat-syarikat lain daripada pengguna sedia ada iaitu firma guaman dan pengguna dalam sendiri (Pusat Setem Cawangan dan Pusat Khidmat Hasil). Selain itu juga, STAMPS telah diperluaskan untuk penerimaan permohonan surat cara Pindah Milik Harta Tanah dan Selain Pindah Milik Harta Tanah di seluruh Malaysia mulai 16 Februari 2011. STAMPS membolehkan taksiran dan bayaran bagi semua permohonan surat cara dibuat secara dalam talian. Mengikut perancangan seterusnya, e-Bayaran yang terdiri daripada FPX dan Internet Banking yang masih pada peringkat perbincangan dan dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2012.


Pelaksanaan STAMPS berjaya mendorong peningkatan dalam amaun pungutan duti iaitu melibatkan peningkatan sebanyak 40.43% berbanding tahun lepas. Prestasi transaksi taksiran melalui STAMPS dan STPH bagi surat cara pindah milik harta tanah adalah seperti di rajah.



Perkhidmatan Elektronik

e-Daftar

e-Daftar merupakan satu lagi inovasi perkhidmatan elektronik LHDNM yang diperkenalkan bagi membolehkan pembayar cukai individu, syarikat dan majikan mendaftar fail cukai pendapatan mereka secara online melalui internet. Jumlah pembayar cukai yang telah mendaftar fail melalui e-Daftar seperti rajah di bawah.



Kalkulator PCB

Kalkulator PCB ialah sistem sokongan untuk membantu pekerja dan majikan mengira PCB. Kaedah ini dapat membantu pengiraan PCB dengan lebih tepat, jika pekerja atau majikan menuntut potongan atau rebat cukai yang dibenarkan di bawah Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967. Aplikasi ini lebih mudah digunakan dan menjimatkan masa untuk mengira PCB berbanding dengan pengiraan secara manual dan amaun PCB akan sama atau hampir sama dengan cukai sebenar.

SMS e-Hubung

Aplikasi ini merupakan kemudahan SMS berkelompok bagi semua jabatan dan agensi kerajaan yang diuruskan oleh MAMPU. Sebagai permulaan, LHDNM terlibat dengan pemberian perkhidmatan Information on Demand (IOD) iaitu pembayar

cukai boleh mendapatkan maklumat berkaitan alamat, nombor telefon dan nombor faks semua Cawangan dan Pusat Khidmat Hasil dengan menghantar SMS ke nombor 15888.

e-PCB

e-PCB adalah sistem PCB yang disediakan bagi membantu majikan untuk menyimpan maklumat pekerja dan mengemukakan data bayaran PCB secara dalam talian kepada LHDNM. Aplikasi ini dibangunkan khusus kepada majikan yang tidak mempunyai sistem penggajian berkomputer bagi mengira PCB dan membuat semakan maklumat PCB atau arahan tambahan potongan gaji (CP38) yang dibayar. Aplikasi ini mula dimuat naik di laman web LHDNM secara rasmi pada 15 Januari 2010 dan kemudahan ini hanya bagi majikan yang berdaftar dengan LHDN sahaja.

Pengguna e-PCB boleh memilih sama ada membuat bayaran melalui internet (menggunakan perkhidmatan bank yang menjadi ahli FPX) atau di kaunter bayaran LHDNM. Sepanjang tahun 2011, seramai 9,995 majikan telah menggunakan aplikasi ini.

e-Data PCB

e-Data PCB pula merupakan sistem Data PCB yang dibangunkan bagi membantu majikan yang mempunyai sistem penggajian berkomputer untuk semakan format dan memuat naik fail teks CP 39 dan seterusnya menghantar data PCB/CP 38 secara dalam talian. Aplikasi ini membantu majikan membuat semakan data PCB pekerja supaya ia mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan. Pengguna perlu mendaftar terlebih dahulu dengan LHDNM sebelum menggunakan aplikasi ini. Bayaran PCB/CP38 boleh dibuat melalui internet (menggunakan perkhidmatan bank yang menjadi ahli FPX) atau di kaunter bayaran LHDNM.

Seramai 10,312 majikan telah menggunakan e-Data PCB sejak ia mula diperkenalkan pada 15 Januari 2010. Dalam usaha meningkatkan penggunaan aplikasi e-Data PCB dan e-PCB di kalangan majikan, program latihan secara praktikal (hands-on) disediakan dengan percuma di semua cawangan LHDNM.

Perkhidmatan Elektronik

e-Kemaskini

e-Kemaskini dibangunkan bagi mengemaskini maklumat seperti nombor telefon, alamat surat menyurat, alamat kediaman, alamat premis perniagaan (jika ada) dan alamat e-mel. Pengguna dikehendaki menggunakan kata laluan sijil digital e-Filing untuk mengakses aplikasi ini. Sepanjang tahun 2011 seramai 10,645 pengguna telah menggunakan aplikasi ini.

e-Lejer

Aplikasi e-Lejer mula diperkenalkan kepada umum pada 1 November 2010. Ia merupakan kemudahan yang disediakan kepada pembayar cukai bagi menyemak butiran peribadi, transaksi lejer dan kedudukan terkini baki cukai. Kemudahan untuk mengakses e-lejer hanya dibuka kepada pembayar cukai individu yang mempunyai nombor pengenalan e-Filing sahaja. Sepanjang tahun 2011, seramai 251,395 pengguna telah menggunakan aplikasi ini.

e-SPC

e-SPC merupakan aplikasi untuk memohon surat penyelesaian cukai pekerja oleh majikan secara atas talian. Ia mula dilaksanakan pada 1 Ogos 2010. Majikan perlu menggunakan sijil digital untuk mengakses dan menandatangani borang pemberitahuan pemberhentian kerja (Borang CP22A/CP22B) dan borang pemberitahuan pekerja yang akan meninggalkan negara (Borang CP21). Seramai 649 majikan telah menggunakan e-SPC sepanjang tahun 2011.





Pembesaran Asas Cukai

Banci Bisnes

Program banci bisnes merupakan salah satu program di bawah aktiviti pematuhan dan penguatkuasaan yang dijalankan di premis perniagaan pembayar cukai. Ia bertujuan untuk meningkatkan kadar pematuhan dan membesarkan asas cukai. Disamping itu, ianya juga bertujuan untuk mengurangkan tunggakan hasil bagi membantu meningkatkan kutipan cukai, serta memberikan pendidikan dari segi khidmat nasihat secara terus kepada pembayar cukai mengenai penyimpanan rekod, undang-undang serta peraturan percukaian yang perlu dipatuhi dan pembelajaran berkaitan potongan cukai bulanan yang tepat. Semasa aktiviti dijalankan, khidmat nasihat percukaian juga diberikan kepada pembayar cukai mengenai penyimpanan rekod, undang-undang serta peraturan percukaian yang perlu dipatuhi dan pembelajaran berkaitan potongan cukai yang tepat. Fokus lawatan adalah di lokasi berikut:

- Kawasan perniagaan baru;
- Kawasan perniagaan lama yang belum pernah dilawati; dan
- Kawasan perniagaan berpotensi tinggi.



Ejen Pemungutan PTPTN

LHDNM telah dilantik menjadi ejen pemungutan pinjaman pendidikan bagi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) di bawah Seksyen 25 Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 (Akta 566). Pada keseluruhannya, jumlah pungutan yang meningkat setiap tahun adalah didorong oleh pertambahan bilangan peminjam yang membuat bayaran balik pinjaman ke LHDNM secara sukarela



Hak Pembayar Cukai



Perundangan cukai memberikan hak kepada pembayar cukai mengemukakan bantahan dan rayuan terhadap sesuatu taksiran yang dibangkitkan dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis taksiran dikeluarkan.

Sekiranya pembayar cukai masih tidak berpuas hati dengan keputusan LHDNM, mereka boleh mengemukakan rayuan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan (PKCP) dengan mengisi Borang Q dan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri akan mengemukakan kes tersebut kepada PKCP untuk membuat keputusan. Kedua-dua pihak boleh membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi sekiranya tidak bersetuju dengan keputusan PKCP dan seterusnya ke Mahkamah Rayuan.

BANTAHAN RASMI

Bantahan	Cukai Pendapatan				CKHT	
	Syarikat		Individu*			
	2011	2010	2011	2010	2011	2010
Dalam proses (b/h)**	20	26	4	2	0	4
Difaikan dalam tahun	67	79	25	24	4	2
Jumlah	87	105	29	26	4	6
Selesai	75	85	23	22	3	6
Dalam proses (h/h)***	12	20	6	4	1	0

*Termasuk badan amanah, pertubuhan dan perkongsian

**b/h: bawa hadapan daripada tahun sebelumnya

***h/h: hantar hadapan ke tahun berikutnya

RAYUAN KE PKCP, MAHKAMAH TINGGI DAN MAHKAMAH RAYUAN

Rayuan			Mahkamah Tinggi		Mahkamah Rayuan	
	2010	2011	2010	2011	2010	2011
Dalam Proses (b/h)*	128	178	42	24	13	40
Difaikan Dalam Tahun	104	72	18	31	34	16
Jumlah	232	250	60	55	47	56
Selesai	54	51	36	25	7	15
Dalam Proses (h/h)**	178	199	24	30	40	41

*b/h: bawa hadapan daripada tahun sebelumnya

**h/h: hantar hadapan ke tahun berikutnya

Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)



Program CSR adalah bertujuan meningkatkan imej dan reputasi LHDNM, tetapi juga bagi memberi manfaat pada kesejahteraan serta kepentingan masyarakat dan organisasi. Selain daripada pelaksanaan di peringkat Ibu Pejabat, pelaksanaan program CSR juga diperluaskan ke peringkat negeri dan cawangan LHDNM seluruh negara untuk memberi manfaat kepada penduduk tempatan.

Antara aktiviti yang telah berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2011 ialah lawatan sambil belajar bersama dengan Penghuni Rumah Anak-anak Yatim & Miskin Nur Ikhlas, yang beralamat di B115 Kg Melayu Kundang, Rawang. Penghuni Rumah Nur Ikhlas telah dibawa ke beberapa tempat bersejarah, antaranya melawat ke Istana Negara baharu di Jalan Duta, Muzium Negara, menaiki Jambatan Menara Berkembar Petronas dan Petrosains, KLCC. Program ini secara tidak langsung berjaya melahirkan sikap kasih sayang dan kebersamaan antara pegawai LHDNM dengan anak-anak yatim & miskin ini secara fitrahnya.

Selain itu, satu majlis penyerahan cek pampasan insuran telah diadakan di rumah Allahyarhamah Puan Zuraidah binti Abd Razak, Pengarah Bahagian Pengurusan Strategik dan Informasi, Jabatan Teknologi Maklumat. Ini berikutan kejadian yang menimpa keluarga Allahyarhamah dan keluarga terlibat dalam kemalangan jalan raya yang berlaku di KM 20.1 Penyerahan cek ini disempurnakan oleh YBhg. Dato' Dr Mohd Shukor bin Hj Mahfar.

Semoga dengan adanya majlis seperti ini dapat mengeratkan lagi hubungan kebersamaan antara LHDNM dengan keluarga Allahyarhamah.



A large school of fish, possibly snappers, is swimming in clear blue water. The fish are silvery with yellowish fins and are arranged in a loose, flowing pattern. The background shows the water's surface with some ripples and a faint reflection of the sky. The overall tone is bright and natural.

JARINGAN ANTARABANGSA



Perjanjian Pengelakan Pencukaaian Dua Kali



Bagi tujuan menentukan hak mencukai antara negara pemastautin dan negara sumber, Malaysia seperti negara-negara yang lain telah memuktamadkan perjanjian pengelakan pencukaaian dua kali (PPPDK) dengan negara-negara rakan pejanjinya. Selain itu, PPPDK juga bertujuan memudahkan perdagangan melepasi sempadan (cross-border trade) dan pelaburan melalui pengelakan pencukaaian dua kali ke atas pendapatan hasil daripada aktiviti-aktiviti tersebut. Di samping itu, peruntukan pertukaran maklumat yang terkandung dalam perjanjian ini juga membantu dalam membentaras pelarian cukai dan pentadbiran percukaaian.

Sepanjang tahun 2011, sejumlah 12 rundingan TIEA/PPPDK/Protokol EOI telah dilaksanakan iaitu 4 rundingan TIEA (Bahamas, Bermuda, Guernsey dan Liberia), 6 rundingan PPPDK (Korea, Kenya, Poland, India, Finland & Hong Kong) dan 2 rundingan Protokol EOI (Malta dan Mauritius). Umumnya, program rundingan dalam tahun 2011 adalah bertumpu kepada rundingan perjanjian yang mematuhi internationally agreed tax standard, bagi pertukaran maklumat yang berkesan dan telus seperti yang ditetapkan oleh Global Forum on Transparency and Exchange of Information for Tax Purposes. Standard ini adalah mengikut Artikel 26 – Model OECD 2005 dan Model Tax Information Exchange Agreement (TIEA) OECD 2002.



Jalanan Dan Jaringan Antarabangsa

41st SGATAR MEETING

Pada tahun 2011 Malaysia telah diberi penghormatan untuk menganjurkan Mesyuarat SGATAR ke 41 pada 20 hingga 24 November 2011 di Kota Kinabalu, Sabah. Penganjuran 41st SGATAR Meeting ini merupakan penganjuran buat kali kelima bagi LHDNM. Bertempat di Nexus Resort and Spa Karambunai, Kota Kinabalu, pembukaan Mesyuarat ini telah dirasmikan oleh Ketua Menteri Sabah, Y.A.B. Datuk Musa Haji Aman.

Tiga topik yang telah diperbincangkan adalah:

- *IFRS – Issues and concerns;*
- *Information and Communication Technology – Maximising its usage in all aspects of tax administration at a minimum cost;*
- *Electronic Commerce – Taxation challenges and legal issues.*

Mesyuarat pada tahun ini telah buat julung kalinya mengumpul jumlah penyertaan yang terbesar iaitu seramai 160 delegasi serta pemerhati. Anggota delegasi ini terdiri daripada kumpulan pentadbir-pentadbir cukai di rantau Asia Pasifik iaitu Australia, People's Republic of China, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Macau, Malaysia, Mongolia, New Zealand, Papua New Guinea, Philippines, Singapura, Chinese Taipei, Thailand dan Vietnam.

Para pemerhati pula adalah daripada India, Asia-Oceania Tax Consultants' Association (AOTCA), Commonwealth Association of Tax Administrators (CATA), International Bureau of Fiscal Documentation (IBFD) Asia, Japan International Cooperation Agency (JICA), Kementerian Kewangan Malaysia dan juga pemerhati daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

41st SGATAR Meeting juga telah memperkenalkan polisi Go Green selaras dengan kempen pemeliharaan alam sekitar. Oleh yang demikian, tiada cetakan kertas kerja Mesyuarat dan Final Report dilakukan.

Penganjuran Mesyuarat ini juga memberi peluang kepada lebih ramai pegawai LHDNM menerima pendedahan serta menimba ilmu hasil daripada perbincangan, pertukaran pengalaman dan perkongsian maklumat dalam bidang percukaian. Disamping itu, Mesyuarat ini juga secara tidak langsung, mendatangkan pulangan kepada industri pelancongan Malaysia khususnya di Kota Kinabalu, Sabah hasil daripada lawatan sosial dan aktiviti

membeli-belah oleh para delegasi. Penganjuran 41st SGATAR Meeting 2011 bukan sahaja memberi manfaat kepada LHDNM tetapi telah dapat mengekalkan imej Malaysia sebagai sebuah negara yang berkebolehan dalam pelbagai bidang. Dengan bersidangnya Mesyuarat ini, ianya secara tidak langsung telah dapat mempromosikan Malaysia sebagai sebuah destinasi persidangan antarabangsa dan pelancongan.

32nd CATA Technical Conference

32nd CATA Technical Conference telah diadakan di Colombo, Sri Lanka pada 18 hingga 23 September 2011. Persidangan teknikal tahunan CATA pada kali ini telah dianjurkan oleh Inland Revenue Board Sri Lanka. Seramai 98 perwakilan dari 24 negara-negara ahli telah menghadiri persidangan tersebut. Delegasi Malaysia telah diketuai oleh YBhg. Dato' Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah LHDNM.

Malaysia telah diberikan peranan penting oleh CATA iaitu dengan perlantikan YBhg. Dato' Dr. Mohd Shukor Hj. Mahfar sebagai Pengerusi Sesi Ke-5 iaitu bagi pembentangan dari negara Kenya – Developing Transfer Pricing Guidelines dan India – Determining the Arms Length Principle and the Application of Various Transfer Pricing Adjustment Methods berhubung isu-isu pindahan harga. Selain daripada itu, delegasi Malaysia juga telah dilantik sebagai *rapporteur* untuk tajuk perbincangan sindiket Resourcing for Taxpayer Education. Penglibatan aktif ini memberi gambaran yang baik terhadap kesediaan Malaysia memikul tanggungjawab untuk menjayakan program-program untuk kepentingan bersama di peringkat global.

Nota


OECD	-	Organisation for Economic Co-Operation and Development
SGATAR	-	Study Group on Asian Tax Administration and Research
JICA	-	Japan International Cooperation Agency
ATAIC	-	Association of Tax Authorities of Islamic Countries
CATA	-	Commonwealth Association of Tax Administrators

Prosedur Kesefahaman Kompeten (MAP)

Pergerakan modal dan perniagaan dalam era globalisasi kini menyebabkan banyak isu percukaian antarabangsa timbul. Dalam kes yang mana pembayar cukai menghadapi masalah percukaian disebabkan oleh interpretasi dan aplikasi Perjanjian Pengelakan Percukaian Dua Kali (PPPDK) Malaysia dengan negara pejanji, pembayar cukai boleh mengemukakan permohonan untuk mendapatkan bantuan pihak berkuasa kompeten Malaysia untuk mencari penyelesaian dan kesefahaman dengan pihak berkuasa kompeten negara pejanji berkaitan.

Dalam tahun 2011, sebanyak 3 kes MAP melibatkan negara pejanji Jepun, Korea dan Jerman dikendalikan oleh Jabatan Percukaian Antarabangsa bersama dengan pihak berkuasa Kompeten Malaysia yang lain. Kes-kes ini melibatkan pindahan harga dan juga interpretasi dan aplikasi berhubung artikel royalty.







PEMBANGUNAN MODAL INSAN



Pembangunan Sumber Manusia

Pembangunan Sumber Manusia (JSM)


Modal insan yang berkualiti merupakan elemen penting kepada organisasi kerana mereka adalah pemangkin utama dalam menjana, menggerak dan menyelaras sumber bagi mencapai matlamat organisasi. Sebagai langkah untuk meningkatkan keupayaan LHDNM sebagai pentadbir cukai, pengurusan LHDNM telah mengkaji semula skim perkhidmatan sedia ada selaras dengan perubahan semasa serta membuka lebih banyak peluang peningkatan kemajuan kerjaya pegawai.

Urusan pengambilan jawatan di LHDNM meliputi penyiaran tawaran iklan jawatan kosong di laman web LHDNM, urusan temuduga dan seterusnya pemilihan untuk tujuan pelantikan yang dibuat oleh pihak jawatankuasa melantik yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif. JSM menetapkan urusan temuduga diselesaikan dalam tempoh 120 hari bekerja selepas tarikh tutup iklan manakala urusan pelantikan dimuktamadkan dalam tempoh 28 hari bekerja selepas keputusan jawatankuasa melantik.

Dalam usaha memantapkan keupayaan sumber manusia dan modal insan, Jabatan Sumber Manusia sentiasa mengambil

langkah proaktif dari semasa ke semasa. Mengambil contoh yang diamalkan di sektor perubatan, konsep “*housemanship*” dan “*job rotation*” diperkenalkan untuk melahirkan modal insan yang lebih cekap, dinamik dan pakar di dalam pelbagai bidang. Langkah ini adalah selaras dengan keperluan guna tenaga sumber manusia pada masa ini yang semakin mencabar yang memerlukan mereka sentiasa mampu bersaing diperingkat global mahupun global di masa hadapan

Selaras dengan peningkatan jumlah kutipan cukai, Jabatan Sumber Manusia telah menetapkan hala tuju yang lebih strategik. Antaranya ialah dengan membuka peluang yang lebih luas kepada pemohon-pemohon kerja di LHDNM dengan membenarkan kepelbagaian bidang kelulusan akademik untuk jawatan-jawatan tertentu. Di samping itu untuk menarik pemohon-pemohon kerja yang serba boleh dengan perkembangan semasa, LHDNM telah mengenalpasti kelebihan-kelebihan lain seperti penguasaan pelbagai bahasa, penglibatan dalam sukan, persatuan dan kebajikan demi memastikan kesinambungan modal insan yang berkualiti, JSM juga menetapkan pelbagai kumpulan umur (“age cohort”) di dalam amalan pengambilan pekerja baharu di LHDNM



PENGISIAN SUMBER MANUSIA LHDNM MENGIKUT BIDANG PADA 31 DISEMBER 2011

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Program Latihan Dalam

Akademi Percukaian Malaysia (APM) berperanan sebagai pusat latihan dan kecemerlangan LHDNM. APM bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan program latihan yang berkualiti kepada pegawai bagi mewujudkan sumber manusia yang lebih berpengetahuan, berprestasi tinggi, *multi-skilled*, berintegriti, kreatif dan inovatif. Skop latihan yang disediakan adalah meliputi bidang penyiasatan, pengurusan, amalan audit serta perhubungan awam.

Selain latihan kepada pegawai LHDNM, APM juga turut menganjurkan kursus antarabangsa bagi memberi peluang kepada peserta dari negara membangun untuk mendapat latihan, berbincang dan berkongsi pengalaman. APM juga menganjurkan kursus-kursus pembelajaran cukai yang dibuka kepada orang ramai untuk meningkatkan kesedaran terhadap pematuhan undang-undang cukai supaya dapat memikul tanggungjawab untuk sama-sama menyumbang kearah pembangunan dan kemakmuran negara. Pada 19-20 Julai 2011, Pusat Latihan Antarabangsa dan Pembelajaran Cukai dengan kerjasama badan percukaian tempatan menganjurkan National Tax Conference untuk menyediakan forum bagi pengamal percukaian, akauntan, juruaudit, ahli korporat dan ahli akademik bertemu dan mengetahui perkembangan terkini dalam arena percukaian antarabangsa dan tempatan. Ahli panel yang berkaliber dari dalam dan luar negara dijemput untuk memberi input tentang isu-isu yang terkini berhubung percukaian.

APM telah menyediakan platform Multimedia Learning System (MMLS) sebagai medium baharu pembelajaran cukai atas talian



(e-Learning). Kemudahan yang disediakan menerusi MMLS adalah merangkumi muat turun nota, bahan latihan, kuiz dan rujukan kandungan kursus. Sepanjang tahun 2011, pelbagai sesi taklimat dan perkembangan teknologi terkini daripada pihak luar yang terlibat secara langsung dalam industri e-Pembelajaran di Malaysia telah dijemput ke APM untuk memberi pendedahan dan maklumat terkini berkaitan teknologi di pasaran hari ini. Aktiviti ini adalah antara pendekatan yang digunakan untuk menambahbaik penyampaian sistem pembelajaran APM sedia ada kearah yang lebih sofistikated dan berdaya saing.

Dasar kualiti APM telah menggariskan usaha untuk meningkatkan kemahiran sumber manusia LHDNM kearah kecemerlangan berteraskan integriti melalui latihan berkesan. Bagi mencapai dasar kualiti di atas, objektif kualiti APM telah dibentuk dengan menetapkan sasaran untuk menjalankan sekurang-kurangnya 80% kursus yang dijadualkan dalam Buku Program Latihan Tahunan. Selain itu, setiap kursus yang dijalankan hendaklah memperoleh skor purata penilaian keseluruhan tidak kurang daripada 77%. APM sentiasa memantau kualiti program latihan yang disediakan melalui penambahbaikan secara berterusan terhadap kandungan kursus, teknik latihan dan lain-lain kemudahan.

Program Latihan APM	Jumlah Pelaksanaan Kursus	Jumlah Peserta
Pusat Latihan Akaun dan Audit	86	2,058
Pusat Latihan Siasatan	41	977
Pusat Latihan Undang-undang	83	2,073
Pusat Latihan Pengurusan	71	3,429
Pusat Latihan Antarabangsa dan Pembelajaran Cukai	25	2,557
Pusat Latihan dan Pembangunan ICT	29	751
Jumlah	335	11,845

Program Latihan Antarabangsa

Sepanjang tahun 2011, seramai 101 pegawai LHDNM telah terlibat dengan persidangan, mesyuarat, kursus, seminar dan lawatan kerja yang diadakan di luar negara. Penglibatan pegawai-pegawai ini adalah selaras dengan objektif LHDNM untuk menyediakan satu platform di peringkat antarabangsa bagi tujuan bertukar-tukar pengalaman mengenai pentadbiran percukaian disamping membincangkan isu-isu terkini percukaian seperti *transfer pricing*, *International Financial Reporting Standards*, *money laundering* dan *e-commerce* yang timbul mengikut peredaran masa. Forum di peringkat antarabangsa ini juga memberi peluang kepada pegawai-pegawai mendapat pendedahan serta informasi terkini mengenai perkembangan pentadbiran percukaian dan hala tuju yang diambil oleh pelbagai negara dalam menangani cabaran pentadbiran percukaian negara.

Kursus Usahasama LHDNM-JICA

Tarikh	Kursus
25 – 28 Jan	LHDNM-JICA: e-Commerce
22 – 25 Feb	LHDNM-JICA: Transfer Pricing-Introductory
19 – 22 April	LHDNM-JICA: Audit on Special Industries-Sea Transportation Companies
12 – 15 Sept	LHDNM-JICA: Transfer Pricing- Advance (LT)
11 – 14 Okt	LHDNM-JICA: Transfer Pricing (MAP & APA) (LT)
31 Okt – 11 Nov	LHDNM-MTCP-JICA: Third Country Training Programme (African Countries) – Revenue Management
13 – 16 Dis	LHDNM-JICA: Tax Examination on Illegal Activities (ST)


Kursus Usahasama LHDNM-CATA

Tarikh	Kursus
6 – 24 Jun	LHDNM-CATA: Workshop on Taxation of International Transactions (TOIT)

KURSUS USAHASAMA LHDNM-OECD


Tarikh	Kursus
10 – 14 Jan	LHDNM-OECD: Workshop on Audit of Small & Medium Enterprises (Untuk Pegawai LHDNM sahaja)
17 – 21 Jan	LHDNM-OECD: Seminar on Audit of Small & Medium Enterprises
7 – 11 Mac	LHDNM-OECD: Tax Treaties – Special Issues
21 - 23 Jun	LHDNM-OECD: Workshop on Transfer Pricing (Untuk Pegawai LHDNM sahaja)
27 Jun – 1 Julai	LHDNM-OECD: Advanced Seminar on Transfer Pricing
3 – 14 Okt	LHDNM-OECD: Introduction to the Application and Negotiation of Tax Treaties
14 – 18 Nov	LHDNM-OECD: Workshop on Transfer Pricing Dispute Resolution and Avoidance (Mutual Agreement Procedures and APAs)
5 – 9 Dis	LHDNM-OECD: International Tax Avoidance and Evasion

Penganjuran kursus-kursus percukaian antarabangsa anjuran LHDNM melalui kerjasama dengan organisasi antarabangsa seperti Commonwealth Association of Tax Administrators (CATA), The Organisation for Economic Cooperation and Development (OECD), The International Bureau of Fiscal Documentation (IBFD), The Internal Revenue Service U.S.A (IRS), Australian Taxation Office (ATO), Asian Development Bank Institute (ADBI) dan Japan International Corporation Agency (JICA) telah dapat dilaksanakan dengan jayanya.





BUDAYA KERJA BERPRESTASI TINGGI



KPI LHDNM

KPI LHDNM mula dilaksanakan pada tahun 2009 selaras dengan saranan kerajaan dalam mengukur kecekapan penyampaian perkhidmatan sesebuah agensi kerajaan. Selain itu, KPI LHDNM juga adalah selari dengan visi LHDNM sebagai pentadbir cukai terunggul dan juga misi LHDNM untuk memberi perkhidmatan percukaian yang berkualiti dan berintegriti ke arah meningkatkan pematuhan secara sukarela di kalangan rakyat.

KPI LHDNM adalah bagi memenuhi objektif LHDNM untuk mewujudkan dan melaksanakan satu sistem pengurusan percukaian yang berkesan, adil dan saksama supaya dapat menepati kehendak pelanggan. Ciri-ciri KPI LHDNM adalah berasaskan prinsip SMART iaitu Specific (Khusus), Measurable (Boleh diukur), Achievable (Boleh dicapai), Realistic (Realistik) dan Time Bound (Mempunyai tempoh masa). Oleh itu, KPI LHDNM digunakan sebagai asas mengukur prestasi LHDNM.

Sasaran KPI LHDNM ditetapkan dengan mengenalpasti perkhidmatan teras berasaskan visi, misi dan objektif LHDNM. Langkah ini melibatkan penentuan proses utama di bawah aktiviti teras dan mengenalpasti perkhidmatan yang disampaikan kepada pelanggan. KPI asas bagi setiap perkhidmatan diwujudkan dan dibangunkan mengikut prinsip SMART.

KPI LHDNM yang diwujudkan adalah berasaskan lima (5) matlamat strategik LHDNM iaitu:

- Memungut jumlah cukai yang sepatutnya secara adil dan saksama;
- Menanamkan kepercayaan orang awam terhadap keadilan dan keunggulan pentadbiran sistem percukaian;
- Memperluaskan asas cukai;
- Memodenkan sistem dan prosedur kerja selaras dengan keperluan semasa; dan
- Melahirkan modal insan yang kompeten, profesional, berintegriti dan berdedikasi.



BUDAYA KERJA BERPRESTASI TINGGI

KPI LHDM

Jadual KPI 2011 dan Prestasi 2011

MATLAMAT	PROSES UTAMA	KPI 2011	PRESTASI 2011 PADA 31/12/2011
Memungut jumlah cukai yang sepatutnya secara adil dan saksama	Kutipan Cukai	Kasar: RM90.548 bilion	Kasar: RM109.609 bilion
	Akaun Belum Terima (ABT)	Dikurangkan 51% daripada (RM10,091 juta) ABT pada 1/1/2011	Dikurangkan 63.44%: RM6,401 juta
	Kecekapan Kos Pungutan	Tidak melebihi RM1.23 bagi setiap RM100.00 cukai yang dipungut	RM0.85 bagi setiap RM100.00 cukai yang dipungut
Menanamkan kepercayaan orang awam terhadap keadilan dan keunggulan pentadbiran sistem percukaian	Audit (Audit Luar dan Audit Meja)	Fail Syarikat (C/CS/TA/TC/TR): 10% daripada 460,756 fail aktif	Fail syarikat (C/CS/TA/TC/TR): 11.15% daripada fail aktif: 51,392 fail
		Fail Individu (OG/D/TP/F/FA/J): 18% daripada 1,852,685 fail aktif	Fail Individu (OG/D/TP/F/FA/J): 19.79% daripada fail aktif: 366,617 fail
		Fail Penggajian (SG): 22% daripada 3,389,267 fail aktif	Fail Penggajian (SG): 23.80% daripada fail aktif: 806,787 fail
		PCB Majikan: 9% daripada 393,987 fail aktif	PCB Majikan: 9.57% daripada fail aktif: 37,691 fail
	Siasatan	Jumlah kes selesai: 800	Jumlah kes selesai: 1,151
	Bayaran Balik	Menyelesaikan 92% daripada 1,593,478 permohonan bayaran balik	Menyelesaikan 98.39% daripada permohonan bayaran balik: 1,567,841
Memperluaskan asas cukai	Semua Jenis Fail	7% peningkatan berasaskan 6,096,703 fail aktif	8.66% peningkatan berasaskan fail aktif: 527,866 fail
Memodenkan sistem dan prosedur kerja selaras dengan keperluan semasa	Perkhidmatan Elektronik LHDNM: e-Filing	56% daripada 3,590,021 borang nyata diterima	63.00% daripada borang nyata diterima: 2,261,656
Melahirkan modal insan yang kompeten, profesional, berintegriti dan berdedikasi	Latihan	Melaksanakan 95% daripada 290 program latihan Akademi Percukaian Malaysia (APM)	Melaksanakan 115.17% program latihan APM: 334 kursus
	Kompetensi Pegawai dan Staf LHDNM	Sekurang-kurangnya 59% daripada 10,141 pegawai LHDNM mencapai 40 jam latihan	87.79% pegawai LHDNM mencapai 40 jam latihan: 8,903 kakitangan

Piagam Pelanggan

Pemantauan Keberkesanan Pelaksanaan Piagam Pelanggan

Piagam Pelanggan disediakan bagi memberi jaminan kepada pelanggan bahawa LHDNM akan menyampaikan perkhidmatan mengikut norma masa dan piawaian kualiti yang ditetapkan. Ia merupakan komitmen LHDNM untuk mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan secara berterusan dan memberi layanan yang adil dan saksama dalam segala urusan percukaian.

LHDNM meneruskan usaha memantau keberkesanan pelaksanaan Piagam Pelanggan melalui penyediaan Laporan Pencapaian

Piagam Pelanggan bagi tujuan penilaian, pemantauan dan penambahbaikan perkhidmatan yang telah diberikan. Paparan laporan tersebut boleh dicapai melalui laman web LHDNM, www.hasil.gov.my dan statistik disediakan secara bulanan. Secara tidak langsung, paparan ini menjadi medium bagi saluran maklumbalas dan kesedaran mengenai pelaksanaan Piagam Pelanggan LHDNM.

Pada amnya, pencapaian Piagam Pelanggan bagi tahun 2011 adalah menepati piawaian yang ditetapkan dengan skor melebihi daripada 70%. Ini menunjukkan LHDNM berjaya menguruskan komitmen dan janji kepada pelanggan dalam menyampaikan perkhidmatan mengikut piawaian kualiti yang ditetapkan.

Bil.	Piagam Pelanggan	Menepati Piagam	Tidak Menepati Piagam	Status Pencapaian
1.	Menyediakan Borang Nyata Cukai Pendapatan Semasa bagi: a) Pembayar cukai individu - pada akhir bulan Februari b) Pembayar cukai selain individu - pada akhir bulan April	100 100	- -	● ●
2.	Menyediakan kemudahan menghantar Borang Nyata Cukai Pendapatan secara elektronik	100	-	●
3.	Mengembalikan lebihan bayaran/pembayaran balik cukai pendapatan bagi Borang Nyata Cukai Pendapatan yang lengkap dan betul dari tarikh penerimaan borang secara: a) e-Filing - 30 hari bekerja b) Pos atau serahan tangan - 90 hari bekerja	85.89 88.07	14.11 11.93	● ●
4.	Mengeluarkan surat penyelesaian cukai dalam tempoh 10 hari bekerja dari tarikh dokumen relevan yang lengkap diterima	97.5	2.5	●
5.	Mengambil tindakan atas surat cara pindah milik harta tanah bagi taksiran duti setem seperti berikut: a) Menghantar borang PDS 15 untuk penilaian - 8 hari bekerja b) Mengeluarkan notis taksiran dari tarikh laporan penilaian diterima - 8 hari bekerja c) Mengendorskan Borang KTN 14 A dari tarikh bayaran diterima - 3 hari bekerja	98.84 98.71 96.43	1.16 1.29 3.57	● ● ●
6.	Menaksir surat cara selain daripada surat cara pindah milik harta tanah bagi: a) Taksiran rasmi - 5 hari bekerja b) Taksiran tidak rasmi -1 hari bekerja terhadap kepada 30 surat cara bagi setiap pemohon	99.23 -	0.77 -	● -
7.	Menyelesaikan rayuan/bantahan selain daripada Borang Q dalam tempoh 60 hari sekiranya maklumat lengkap diterima	86.58	13.42	●
8.	Memproses Borang Q untuk dikemukakan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan dalam tempoh 5 bulan dari tarikh penerimaannya	87.37	12.63	●

Petunjuk	Pencapaian
●	Lebih dari 70%

Sistem Pengurusan Audit Nilai



Objektif utama Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) ini adalah untuk menilai keberkesanan pelaksanaan program-program jabatan dan agensi kerajaan yang terkandung di dalamnya nilai-nilai murni dan seterusnya meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. SPAN turut dilaksanakan di LHDNM dengan tujuan untuk mengenal pasti keberkesanan pelaksanaan program-program nilai murni dan mengukur tahap keberkesanan penerapan, penghayatan dan pengamalan nilai murni dari segi ideologi, peribadi dan persepsi. Pelaksanaan SPAN adalah melalui maklumbalas pelanggan dengan mengambil kira enam nilai teras perkhidmatan awam iaitu amanah, benar, bijaksana, adil, telus dan bersyukur.

LHDNM telah melaksanakan pengauditan terhadap pengamalan nilai di bawah Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) sejak tahun 2008.

SPAN 2011 dilaksana ke seluruh LHDNM dan ini telah melibatkan sejumlah 86 agensi pelaksana berikut:

- Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
- 19 Jabatan
- Bahagian Keselamatan
- 12 Pejabat Pengarah Negeri
- 36 Cawangan
- 17 Cawangan Siasatan

Seramai 9,223 responden telah terlibat dalam auditan atas talian berhubung instrumen Indeks Nilai Ideal, Indeks Nilai Peribadi dan Indeks Nilai Organisasi.

Jumlah responden ini adalah 91.62% daripada 10,067 (statistik perjawatan sehingga 31 Ogos 2011) yang terdiri daripada semua lapisan pegawai di LHDNM seperti jadual berikut;

Kumpulan Perkhidmatan	Bilangan Respondan	%
Pengurusan Tertinggi (JUSA)	32	0.35
Pengurusan & Profesional	2,946	31.94
Sokongan 1	4,767	51.68
Sokongan 2	1,478	16.03
Jumlah	9,223	100.00

Maklum Balas Pelanggan digunakan untuk menilai pengalaman dan pemerhatian pelanggan ketika berurusan dengan Cawangan LHDNM. Jumlah pelanggan (luaran) yang menjawab Borang Rekod Maklum Balas Pelanggan adalah 3,246 orang.

Pelaksanaan SPAN 2011 telah dipantau sehingga tempoh suku tahun 2012 untuk penyediaan dan laporan SPAN 2011 yang akan dibentangkan kepada pihak pengurusan LHDNM pada tempoh tersebut.

Anugerah dan Pengiktirafan

Pengiktirafan Kumpulan Berkepentingan

Pada 24 Mac 2011, LHDNM telah dinobatkan sebagai Johan Anugerah Pilihan Rakyat untuk Kategori Penyedia Perkhidmatan Elektronik Sektor Kerajaan dalam Anugerah NEF-AWANI. LHDNM turut menerima "Socially Responsible Company Award 2011" : "Special Award Most Efficient Public Agency" daripada Junior Chamber International Malaysia. Pengiktirafan ini adalah bukti sokongan orang ramai terhadap perkhidmatan LHDNM yang menepati kehendak pelanggan.


Bagi memudahkan serta menggalakkan interaksi dan komunikasi bersama kumpulan berkepentingan, saluran e-mel idea@hasil.gov.my (khusus untuk warga Hasil) dan idea_desire@hasil.gov.my (khusus untuk orang awam) diperkenalkan sebagai medium yang teratur dan telus untuk menyalurkan pelbagai idea dan cadangan kepada pihak pengurusan.







DIARI HASIL





8 Januari 2011
Jalan Duta

YBhg Dato' Dr. Mohd Shukor bin Hj Mahfar, memasuki Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif setelah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif yang baru.

22 Januari 2011
Kuala Lumpur

Pegawai Perhubungan Awam LHDNM, Encik Masrun Maslim dalam rancangan Program Bual Bicara Generasi Y.





2 Februari 2011
Jalan Duta

YBhg Dato' Dr Mohd Shukor bin Hj Mahfar bersama YBhg Dato Mohammad Sait pada Sidang Media Khas isu PCB



1 Mac 2011
Jalan Duta

Pegawai LHDNM sedang menghadiri bengkel simulasi

24 Mac 2011
Kuala Lumpur

YBhg Dato' Dr Mohd Shukor bin Hj Mahfar semasa menerima Anugerah NEF-Awani ICT Awards daripada YAB Perdana Menteri Malaysia



15 Mac 2011
Kuala Lumpur

Pegawai LHDNM sedang tekun mendengar dalam Persidangan Tahunan Kecemerlangan Pengurusan Modal Insan

DIARI HASIL



April 2011
Sabah

Majlis Perasmian Cawangan Sandakan Sabah yang dihadiri oleh Ketua Menteri Sabah, Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan YBhg. Dato' Dr. Mohd Shukor bin Hj Mahfar



29 April 2011
Jalan Duta

Kunjungan selebriti YBhg. Datuk Malek Noor ke kaunter e-Filing sempena Bulan Perkhidmatan Pembayar Cukai (BPPC).



2 Mei 2011
Bangi

Peserta Bengkel Cendekiawan sedang mendengar amanat dari Timbalan Menteri Kewangan, YB Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin



31 Mei 2011
Jalan Duta

YBhg Dato' Dr. Mohd Shukor bin Hj Mahfar sedang ditemuramah oleh wartawan Berita Harian

DIARI HASIL



7 Jun 2011
Bangi

YBhg. Tan Sri Mohd Sidek Hj Hassan sedang menerangkan sesuatu dalam program Bual Bicara Bersama Ketua Setiausaha Negara



17 Jun 2011
Jalan Duta

Pegawai LHDNM sedang menjalani pemeriksaan kesihatan



1 Julai 2011
Bangi

Peserta Induksi sedang beramah mesra dalam program Induksi Bersama Pengurusan Akademi Percukaian Malaysia



20 Ogos 2011
Kuala Lumpur

Pengerusi Puspanita LHDNM YBhg. Datin Rohani Ab Hadi sedang beramah mesra dengan anak-anak yatim

DIARI HASIL



14 September 2011
Kuala Lumpur

Pelawat pelawat dari Universiti Curtin sedang mendengar taklimat oleh pegawai LHDNM dalam lawatan mereka ke pejabat LHDNM



20 September 2011
Kuala Lumpur

Pelawat dan pegawai LHDNM sedang membeli buku di Akademi Percukaian Malaysia.



8 Oktober 2011
Kuala Lumpur

Pegawai-pegawai LHDNM sedang mendengar Taklimat Bajet di PWTC



24 Oktober 2011
Kuala Lumpur

Peserta *Choral Speaking* yang berjaya dengan replika cek dalam Pertandingan Choral Speaking LHDNM.

DIARI HASIL



1 November 2011
Bangi

Salah satu aktiviti sempena Pelancaran Sambutan Hari Inovasi LHDNM oleh YBhg. Dato' Dr. Mohd Shukor sambil diperhatikan oleh Encik Mohd Nizom bin Sairi




17 November 2011
Bangi


Delegasi dari India sedang mengadakan lawatan ke Akademi Percukaian Malaysia dalam siri lawatan mereka ke LHDNM.

16 Disember 2011
Jalan Duta

Perpindahan ibu pejabat LHDNM dari Jalan Duta ke bangunan baharu di Cyberjaya.

An underwater photograph showing a large shark swimming in the upper half of the frame, its body curved and partially obscured by a white horizontal band. Below the band, several smaller fish are swimming in the blue water. In the foreground, there is a coral reef with various types of coral. The overall scene is set in a deep blue ocean environment.

PENYATA KEWANGAN





SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod dan dokumen secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia pada 31 Disember 2011 serta hasil operasi dan aliran tunai untuk tahun tersebut adalah selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan.

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
10 OGOS 2012



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

PENYATA Pengerusi dan Seorang Anggota Lembaga


Kami **TAN SRI DR. WAN ABDUL AZIZ BIN WAN ABDULLAH** dan **DATUK WAN SELAMAH BINTI WAN SULAIMAN** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota Lembaga **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Lembaga, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA** pada 31 Disember 2011 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



TAN SRI DR. WAN ABDUL AZIZ BIN WAN ABDULLAH
PENGERUSI
12 APRIL 2012

SELANGOR



DATUK WAN SELAMAH BINTI WAN SULAIMAN
ANGGOTA LEMBAGA
12 APRIL 2012

SELANGOR

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

Saya, **ZAKARIA BIN A. SAMAD**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
diakui oleh penama di atas, Zakaria bin A. Samad
di Kuala Lumpur
PADA 12 APRIL 2012

)
)
)
)



ZAKARIA BIN A. SAMAD

Di hadapan saya,



PESURUHJAYA SUMPAH

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Jabatan Cukai Korporat
Tingkat 1, 3-10, Blok 11
Kompleks Bangunan Kerajaan
Jalan Duta, Karung Berkunci 11035
50990 Kuala Lumpur

LEMBARAN IMBANGAN
PADA 31 DISEMBER 2011

